



## PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PASCA PILIHAN RAYA UMUM (PRU) 2018 DI MALAYSIA

*BY-ELECTION POST 2018 GENERAL ELECTION IN MALAYSIA*

Junaidi Awang Besar<sup>1\*</sup>, Nur Ellyanis Mohd Basori<sup>2</sup>, Mokhtar Ahmad<sup>3</sup>, Mohd Nizar Sudin<sup>4</sup>, Mohd Nor Hafis Ahmad Pauzan<sup>5</sup>, Munauwarah Ziauddin<sup>6</sup> & Ahmad Afif Zulkipli<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: jab@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: p97279@iswa.ukm.edu.my

<sup>3</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: mokhtarahmad.mba@gmail.com

<sup>4</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: mohdnizar.sudin@gmail.com

<sup>5</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: hafis@spr.gov.my

<sup>6</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: p90184@iswa.ukm.edu.my

<sup>7</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: afif\_5623@yahoo.com

\* Corresponding Author

### Article Info:

### Article history:

Received date: 06.04.2020

Revised date: 09.04.2020

Accepted date: 12.04.2020

Published date: 10.06.2020

### Abstrak:

Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 menyaksikan berlakunya 10 Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan sama ada kerana kematian penyandang, perletakan jawatan dan juga pembatalan keputusan PRU oleh arahan mahkamah. PRK tersebut merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parlimen Port Dickson, Cameron Highlands, Sandakan, Tanjung Piai dan Kimanis. Kesemua PRK tersebut menghasilkan impak tertentu terhadap sosioekonomi dan politik di negara ini. Oleh itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk

**To cite this document:**

Awang Besar, J., Basori, N. E. M., Ahmad, M., Sudin, M. N., Pauzan, M. N. H. A., Ziauddin, M., & Zulkipli, A. A. (2020). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (19), 21-53.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.519003.

menganalisis pilihan raya kecil pasca Pilihan Raya Umum 2018 di Malaysia. Berdasarkan analisis data keputusan PRK pasca PRU 2018, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, sebahagian besar PRK ini memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama/taawun politik (perpaduan ummah) antara UMNO (BN) dengan PAS. PRK ini juga memperlihatkan berlakunya beberapa reformasi atau pembaharuan pilihan raya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan penunaian janji pilihan raya berdasarkan manifesto dalam PRU 2018 dan PRK serta pembaharuan dalam institusi. Kesemua PRK ini memperlihatkan peri pentingnya peranan pihak berkuasa dalam menunaikan janji pilihan raya, pentingnya suara dan harapan rakyat didengari serta diselesaikan permasalahan mereka terutamanya isu ekonomi dan perpaduan. PRK ini juga memberi refleksi mengenai pengurusan isu dan krisis yang berkesan dan bijaksana, kesiapsiagaan parti politik dalam mempercik maskan jentera pilihan raya masing-masing di samping dapat memberi motivasi kepada kepimpinan parti untuk bekerja lebih kuat bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15 akan datang. Oleh itu, analisis impak kajian ini adalah penting dalam menyumbang kepada proses perjalanan pilihan raya, undang-undang pilihan raya, garis panduan, ketelusan, strategi parti politik dan kaitannya dengan dunia global.

**Kata Kunci:**

Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Kecil, Impak, Sosioekonomi

**Abstract:**

Post-General Election 2018 (GE) 2018 saw 10 by-elections held in the wake of incumbent death, resignation, and cancellation of the by-election by court order. The by-elections include the State constituencies of Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parliamentary constituencies of Port Dickson, Cameron Highlands, Sandakan, Tanjong Piai and Kimanis. All of these by-elections have a particular impact on the country's socio-economic and political. Therefore, it is the purpose of this study to analyze the by-election post-2018 General Election in Malaysia. Based on analysis of the by-election after general election 2018 data, field observation and the extraction of secondary sources such as journal articles and conference papers, the majority of these polls initially showed a declining drop in voting percentage of less than 50 percent and in the form of a political coalition between UMNO (BN) and PAS. This by-election also followed some electoral reforms set by the Election Commission (EC), and the fulfillment of election promises based on the manifesto of the 2018 GE and the by-elections and institutional reforms. All of these elections show the importance of the role of the authorities in fulfilling election promises, the importance of the voice, the hope of the people being heard, and solving their problems, especially economic and unity issues. This by-election also teaches in terms of effective and wise crisis management, political party preparedness to streamline their electoral machinery, while also motivating party leadership to work harder to win the electorate for the coming GE-15. Therefore, the analysis of the impact of this study is important in contributing to the electoral process, electoral law, guidelines, transparency, political party strategies, and their relevance to the global world.

**Keywords:**

General Election, By-Election, Impact, Socio-Economy

## **Pengenalan**

Pilihan raya merupakan salah satu proses demokrasi untuk memilih pemimpin atau wakil rakyat bagi sesuatu kawasan. Di Malaysia, elemen penting pilihan raya adalah bahagian pilihan raya, pemilih, calon dan proses pilihan raya. Pilihan raya mempunyai proses tertentu dan mengambil masa yang agak panjang iaitu pengeluaran writ, penamaan calon, kempen pilihan raya, pengundian, penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya. Terdapat dua jenis pilihan raya iaitu Pilihan Raya Umum (PRU) dan Pilihan Raya Kecil (PRK). Pilihan Raya Umum diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan atau terbubar sendiri selepas tamat tempoh 5 tahun. Pilihan Raya Kecil pula berlaku untuk mengisi kekosongan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri di luar jangka disebabkan oleh kematian, perletakan jawatan, hilang kelayakan dan pembatalan keputusan pilihan raya oleh Mahkamah Pilihan Raya. Dalam konteks penulisan kertas kerja ini, analisis terhadap keputusan, faktor sokongan, pola pengundian dan impak disingkap dalam 10 PRK yang telah diadakan pasca PRU 2018 merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parlimen Port Dickson, Parlimen Cameron Highlands, Parlimen Sandakan, Parlimen Tanjung Piai dan Kimanis.

## **Sorotan Literatur: Pilihan Raya Kecil di Malaysia**

Terdapat banyak kajian lampau yang berkaitan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Malaysia yang dijadikan sandaran dalam artikel ini. Ghazali (1990) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Pantai Merdeka, Kedah pada Mac 1990 pula mendapat terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penurunan majoriti yang diperolehi oleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil tersebut berbanding pilihan raya umum 1986 iaitu peratusan keluar mengundi yang rendah, isu calon BN yang muflis, dan ketiga kemunculan Parti Semangat 46 yang kebanyakannya terdiri daripada bekas ahli UMNO telah menjelaskan sokongan terhadap BN dalam pilihan raya kecil tersebut. Dalam pilihan raya kecil Parlimen Arau, Perlis pada tahun 1998, pembangunan juga dijadikan isu untuk menakutkan pengundi agar mengundi BN sekiranya tidak mahu pembangunan berjalan lembab atau disekek (Ahmadi 1998). Dalam pilihan raya kecil Lunas, Kedah pada tahun 2000, isu yang dibangkitkan semasa berkempen antaranya ialah penyelewengan, rasuah, kronisme, krisis keyakinan terhadap pemerintah, kaum, agama, pembangunan masyarakat setempat, ekonomi dan sekolah wawasan (Ghazali & Mohd Rizal 2000).

Mohd Amirul Ariff (2002) dalam kajian pilihan raya kecil DUN Indera Kayangan 2002: Analisis isu, kempen dan pola pengundian mendapat bahawa pengundi lebih memihak kepada isu pembangunan setempat iaitu penambahan dan pemberian kemudahan awam di kawasan mereka agar mereka dapat menggunakan kemudahan-kemudahan awam tersebut dengan selesa dan berterusan. Ketika pilihan raya kecil DUN Ba'Kelalan, Sarawak, dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan dan modenisasi (Arnold 2003).

Mohd Fuad & Junaidi (2006) dalam kajian pilihan raya kecil Pengkalan Pasir pada November 2005 memaparkan bahawa pilihan raya kecil tersebut merupakan indikator penilaian kekuatan PAS bertahan di Kelantan dan penaklukan semula kuasa BN. Ibrahim et al. (2009) dalam kajian “Isu dan tingkah laku semasa kempen pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh” menyatakan bahawa isu ekonomi merupakan isu yang hangat dibincangkan di kawasan tersebut. Menurut Mohammad Redzuan et al. (2009) dalam pilihan raya kecil Permatang

Pauh, segi semangat yang ditunjukkan ternyata jentera PKR lebih bersemangat dan mempamerkan keberkesanan dalam menghadapi pilihan raya kecil tersebut. Kajian oleh Mohd Fuad & Junaidi (2009) dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Kuala Terengganu mendapati bahawa 61.6 peratus daripada responden memilih calon yang mempunyai pendidikan agama yang tinggi, diikuti personaliti kepimpinan yang baik dan ideologi perjuangan parti.

Junaidi et al. (2009a & 2010a) dalam kajian “Pola Politik Mengikut Kaum Di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059) mendapati hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Dari segi kriteria pemilihan calon pula, 72.1 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu (67.9 peratus) dan India (47.9 peratus). Junaidi et al. (2009b) dan Abdul Halim et al. (2010) dalam kajian “Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik” mendapati bahawa 77.5 peratus responden Melayu, 54.5 (Cina) dan 69.6 peratus (India) menyatakan isu pemulihian ekonomi menjadi perbualan utama di kawasan mereka. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti dalam pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau, 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus (Cina) dan 41.1 peratus (India) menyatakan PKR akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding BN 29.4 peratus (Melayu), 18.2 peratus (Cina) dan 30.4 peratus (India).

Junaidi et al. (2009c) dan Mohd Fuad et al. (2012) dalam kajian tentang pandangan pengundi menjelang pilihan raya di Batang Air, Sarawak mendapati bahawa 88.6 peratus pengundi menyatakan BN akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding PKR 3.6 peratus. Setelah pilihan raya kecil diadakan, hasilnya dimenangi BN dengan majoriti yang bertambah lebih sekali ganda iaitu dari 806 undi kepada 1,854 undi dan ini membuktikan sentimen ‘politik pembangunan’ terus kekal di kawasan tersebut kerana pembangunan hanya dapat dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesebuah negeri. Junaidi et al. (2009d) dalam analisis calon, kempen dan isu dalam PRK Penanti mendapati dengan ketiadaan penyertaan BN dalam pilihan raya tersebut maka, PKR dilihat menghadapi laluan mudah dalam menggerakkan jentera kempen serta menguasai pengurusan isu dan logistik kerana secara kebetulannya PKR bersama DAP dan PAS dibawah kompromi kuasa Pakatan Rakyat menguasai pemerintahan Negeri Pulau Pinang. Junaidi & Mohd Fuad (2009) dan Mohd Fuad & Junaidi (2011) mendapati kejayaan BN menguasai hampir semua undi daripada saluran tiga dan empat menggambarkan pengundi muda mula memberi kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ke Manek Urai, yang sebahagian besar penduduk bekerja sebagai penoreh getah, pekebun kecil kelapa sawit dan buah-buahan serta bekerja sendiri.

Junaidi & Mohd Fuad (2010) & Junaidi (2012) dalam kajian ketika PRK Permatang Pasir di Pulau Pinang mendapati 60 peratus responden menyatakan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang lebih memihak kepada kaum bukan Melayu dan 81 peratus menyatakan DAP lebih berperanan memutuskan dasar pemerintahan Kerajaan Pulau Pinang. Junaidi et al. (2010b) dan Mohd Fuad et al. (2011) dalam PRK Bagan Pinang mendapati bahawa konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia. Majoriti responden menyokong polisi dan kepemimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara. Junaidi et al. (2010c) dan Junaidi et al. (2011a) dalam kajian PRK Hulu Selangor mendapati kawasan daerah mengundi majoriti pengundi Melayu di kampung-kampung tradisi serta

penempatan FELDA memberikan undi yang tinggi kepada BN namun di kawasan majoriti etnik Cina di kampung-kampung baru dan pekan memberikan undi yang semakin meningkat kepada Pakatan Pembangkang. Trend pengundian kaum Melayu di bahagian tengah dan selatan Semenanjung Malaysia dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 seterusnya pada pilihan raya-pilihan raya kecil (PRK) pada tahun 2008 hingga 2011 menunjukkan bahawa mereka secara dominannya menyokong parti pemerintah Malaysia sekarang iaitu Barisan Nasional (BN), manakala kaum Cina pula berkecenderungan dan mengundi calon-calon daripada parti-parti pembangkang/oposisi atau lebih dikenali sebagai Pakatan Rakyat (Junaidi et. al 2011b).

Mohd Faidz et al. (2010) dan Junaidi et al. (2012a) dalam PRK Galas mendapati faktor kemenangan calon BN tersebut berkait rapat dengan wibawa serta pengaruh kepemimpinan Pengarah Pilihan Raya BN PRK DUN Galas iaitu Tengku Razaleigh Hamzah yang paling lama menjadi wakil rakyat di kawasan Parlimen Gua Musang (dahulunya Ulu Kelantan) yang merangkumi DUN Galas, Paloh dan Nenggiri iaitu sejak PRU 1974 hingga sekarang (9 penggal) serta keberkesanannya strategi kempen bersemuka antara pemimpin BN dengan rakyat di samping kemantapan jentera kempen 10 orang kanan Tengku Razaleigh di setiap daerah mengundi di Galas.

Amer Saifude (2011) dalam PRK Kuala Terengganu menjelaskan sejarah pilihan raya di kawasan Parlimen Kuala Terengganu memperlihatkan kawasan tersebut pernah dimenangi oleh Parti Negara, PAS, Semangat 46 dan Perikatan/BN yang menunjukkan kedinamikan pengundi di kawasan tersebut. Junaidi & Mohd Fuad (2011) mendapati majoriti pengundi Melayu di kawasan DUN Tenang, Kerdau dan Merlimau menyokong UMNO/BN. Mereka berpendapat kuasa politik Melayu perlu dikekalkan melalui parti UMNO/BN kerana pentingnya pengekalan kuasa politik diberi kepada pemimpin parti yang berteraskan etnik/kaum Melayu iaitu UMNO di samping sentimen politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi Melayu. Junaidi et al. (2011c & 2012b) dalam kajian PRK DUN Tenang, Johor mendapati kawasan yang majoritinya pengundi etnik Cina memihak kepada parti pembangkang/PAS namun kawasan majoriti Melayu terus didominasi UMNO/BN. Kaum Cina terus menyokong parti-parti pembangkang/Pakatan Rakyat kerana mereka merasakan Pakatan Rakyat dapat menjadi alternatif kepada pembentukan Kerajaan Negeri atau Pusat yang dapat memperjuangkan hak mereka dan dapat memberikan keadilan sosial, ekonomi dan politik yang menyeluruh tanpa mementingkan sesuatu kaum sahaja. Chiok (2011) mendapati peratusan keluar mengundi, hari mengundi, faktor calon serta isu kempen, faktor etnik, faktor jentera parti dan politik pembangunan mempengaruhi keputusan pilihan raya kecil 2008-2011 di 16 kawasan tersebut.

Junaidi et al. (2012c & 2012d) mendapati pola pengundian mengikut daerah-daerah mengundi dan majoriti etnik pengundi sama ada Bumiputera Islam atau Cina, masih dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan bagi pengundi Bumiputera Islam; manakala undi kaum Cina berpecah kepada 2 pihak iaitu PKR yang bergantung kepada sentimen politik nasional (tsunami politik PRU 2008) dan SAPP (Datuk Yong Teck Lee) yang popular sebagai bekas Ketua Menteri Sabah ketika bersama BN dan memperjuangkan isu kenegerian “Sabah untuk rakyat Sabah” serta “Borneonisasi” yang menjadi teras dalam manifesto SAPP dalam PRK ini. Ng (2012) dalam kajian PRK Merlimau mendapati BN memperolehi undi yang tinggi daripada pengundi Melayu dan berlaku peralihan undi kaum India yang besar dari PAS kepada BN antara PRU 2008 dengan PRK 2011 di Merlimau. Lu (2012) menjelaskan undi daripada masyarakat Melayu di kawasan perkampungan tradisional Melayu, FELDA

dan FELCRA di Pahang terus menjadi fix deposit kepada UMNO/BN yang berfahaman politik pembangunan dan sentimen keMelayuan yang kuat.

Suffian et al. (2013) dalam kajian PRK Sibu mendapati faktor pengundi Cina sangat dominan dan mempengaruhi keputusan pilihan raya. Isu-isu lain juga turut memainkan peranan, umpamanya isu politik pembangunan di kawasan pengundi Iban dan Melayu/Melanau dan isu nasional seperti agama dan hak ekonomi. Zulkanain & Rosmadi (2013) menyatakan kajian sosiopolitik dan elemen ruang merupakan perkara penting untuk melihat peranannya ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di PRK Bukit Gantang. Elemen ruangan seperti lokasi, jarak dan bentuk kawasan sangat penting dalam kajian pilihan raya kerana ia juga merupakan faktor yang dapat mempengaruhi sosiopolitik sesuatu kawasan dan faktor ini boleh mempengaruhi kepada penentuan kemenangan sesuatu parti yang bertanding dalam pilihan raya. Amer Saifude (2013) menjelaskan keputusan PRK Bukit Gantang berkait rapat dengan peristiwa semasa sosiopolitik di Perak kerana peralihan kuasa pemerintahan Perak daripada Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) kepada Kerajaan BN tanpa mandat rakyat telah mengecewakan sebahagian pengundi di Bukit Gantang terutamanya pengundi Cina dan akhirnya diterjemahkan melalui kemenangan PAS/PR melalui calonnya yang juga bekas Menteri Besar Perak.

Mohd Fuad et al. (2013) dalam artikel yang bertajuk ‘Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011’ menjelaskan bahawa geografi pilihan raya ialah satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayah. Aspek utama dalam kajian geografi pilihan raya ialah pengaruh proses politik dalam ruang geografi. Mohd Faidz, Samsu Adabi & Junaidi (2014) menjelaskan tentang faktor kemenangan BN dalam PRK ini iaitu faktor keberkesanan jentera BN, kehadiran Timbalan Perdana Menteri dan juga janji pembangunan oleh Kerajaan Pusat/BN di kawasan ini. Kata Kunci: Pilihan Raya Kecil, Dewan Undangan Negeri, Pengkalan Kubor, UMNO dan PAS.

Mohd Fuad et al. (2014) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang 2014 mendapati bagi jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Junaidi et al. (2014) dalam kertas kerja yang bertajuk ‘Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia Dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi’ menunjukkan sokongan pengundi di kawasan DUN Kuala Besut dipengaruhi oleh identifikasi parti, DUN Sungai Limau (identifikasi parti), DUN Kajang (sosiologi), DUN Balingian (pilihan rasional), Parlimen Bukit Gelugor (sosiologi) dan Parlimen Teluk Intan (pilihan rasional). Keadaan tersebut dipengaruhi oleh sumber maklumat politik, corak kempen, etnik calon, faktor kekeluargaan, agama, perkauman dan politik pembangunan. Justeru, senario politik dan pilihan raya di Malaysia menarik untuk dikaji dengan mempunyai variasi atau kepelbagai pola pengundian berdasarkan faktor kawasan/lokasi geografi, ideologi politik, tahap pembangunan dan persekitaran sosial yang unik dan menarik untuk dikaji.

Junaidi, Mohd Faidz & Samsu Adabi (2015) dalam kertas kerja tentang analisis pola pengundian Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka, Kelantan menjelaskan tentang faktor kemenangan PAS dalam PRK tersebut iaitu faktor keberkesanan jentera PAS, kehadiran beberapa pemimpin PAS serta Pakatan Rakyat dan juga tiada saingan kepada PAS. Junaidi (2017a) dalam kajian

status quo BN melalui strategi politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor mendapati bahawa strategi politik pembangunan yang diamalkan oleh BN dapat menyakinkan pengundi dalam PRK tersebut. Junaidi (2017b & 2018) menjelaskan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen (P093) Sungai Besar dan P067 Kuala Kangsar menyaksikan faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian.

Nidzam (2019) dalam artikel beliau yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil (PRK) Medan Sebenar Uji Kekuatan Parti?” menyatakan bahawa Pilihan Raya Kecil (PRK) hanyalah medan untuk memilih wakil rakyat yang bersifat setempat. Biasanya, pengundi kurang berminat untuk turun mengundi dalam PRK kerana pilihan raya tersebut bukannya medan untuk menentukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan melainkan jumlah kerusi antara pihak parti pemerintah dengan parti pembangkang adalah sama atau seimbang. Mohammad Tawfik (2019) dalam pembentangan yang bertajuk “Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kempen PRK DUN Semenyih” menjelaskan bahawa antara isu yang menyebabkan kemenangan BN dalam PRK DUN Semenyih ialah penyisihan orang Melayu untuk beberapa jawatan penting kerajaan; isu perkauman berbangkit khususnya kejadian di USJ Seafield masih meninggalkan luka berbekas di hati mereka; pelaksanaan manifesto iaitu mengundi kebanyakannya tidak lagi mempeduli berapa banyak hutang negara, tetapi telah terkesan dengan kegagalan pelaksanaan janji sebelum pilihan raya; agenda kerjasama Melayu-Islam sedikit sebanyak turut menawan hati pengundi Melayu yang ‘cedera’ dengan tindakan semasa Pakatan Harapan; dan pengundi masih dibelenggu dengan kos sara diri yang tinggi.

Khairul Arifin (2019) dalam pembentangan slaid yang bertajuk “Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia” menjelaskan bahawa adalah menjadi cabaran dalam mengurus persepsi, realiti dan inisiatif/tindakan bagi pihak yang berkuasa setelah menang dalam sesuatu pilihan raya. Seterusnya berlaku dinamika pengundi iaitu sokongan kepada parti politik dari segi birokrat (polis, tentera dan penjawat awam), segmen umur (muda dan tua), kaum, tempat tinggal, kecenderungan parti dan jantina. Trend pengundi BN dan PAS dari segi kerjasama politik boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya dan status quo parti pasca PRU 2018 iaitu bagi PRK Semenyih dan Rantau adalah kekal.

Junaidi & Mohd Nizar (2019) dalam kajian PRK DUN Semenyih menjelaskan bahawa Faktor isu semasa, kredibiliti dan pengalaman calon serta kesepadan jentera parti menjadi pemangkin kepada kemenangan BN dalam PRK tersebut. Junaidi, Mohd Fuad & Mazlan (2019) menjelaskan bahawa pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS. Pola mengikut lokasi geografi pula memperlihatkan kawasan bandar didominasi PH manakala kawasan luar bandar kekal status quo dikuasai BN.

Junaidi (2019) dalam kertas seminar yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak” menjelaskan bahawa faktor sokongan dalam PRK pasca PRU 2018 adalah kerana isu semasa, pengaruh media sosial, identifikasi parti, ketokohan pemimpin dan calon, manifesto atau janji pembangunan dan sentimen Melayu serta Islam. Pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu

etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS.

### **Metod Kajian**

Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik-teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini ialah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian. Data kuantitatif dan maklumat kualitatif bagi penulisan artikel ini diperoleh dengan menggunakan metod rujukan sumber primer iaitu keputusan PRK pasca PRU 2018 dan juga pemerhatian di lapangan manakala data sekunder pula diperoleh melalui rujukan sekunder terhadap bahan-bahan bercetak yang berkenaan daripada laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan jurnal. Data keputusan PRK dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis PRK yang berkesan.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### ***Keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018***

Pasca PRU 2018 menyaksikan berlangsungnya 10 PRK di negara ini iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parlimen Port Dickson, Parlimen Cameron Highlands dan Parlimen Sandakan.

Bagi PRK DUN Sungai Kandis yang diadakan pada 4 Ogos 2018, calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Pakatan Harapan (PH), Mohd Zawawi Ahmad Mughni meraih 15,427 undi bagi memenangi PRK tersebut dengan majoriti 5,842 undi menewaskan calon Barisan Nasional (BN)/UMNO, Datuk Lokman Noor Adam, yang mendapat 9,585 undi dan calon Bebas, K Murthy (97 undi). Hanya 49.4 peratus daripada jumlah keseluruhan 51,217 pemilih di kawasan ini membuang undi pada PRK kali ini. Terdapat 19 pusat pengundian dengan 109 saluran di kawasan DUN Sungai Kandis. Pegawai Pengurus Pilihan Raya DUN Sungai Kandis, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad yang menumumkan keputusan tersebut di Dewan Besar Tanjung, Seksyen 19 Shah Alam, kira-kira jam 9.30 malam. PRK yang menyaksikan pertembungan tiga penjuru itu diadakan berikutan kematian penyandangnya, Mat Shuhaimi Shafiei yang juga bekas setiausaha politik kepada bekas Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, akibat kanser limfoma pada 2 Julai 2018.

Bagi PRK DUN Seri Setia yang diadakan pada 8 September 2018, calon Pakatan Harapan (PH) daripada PKR, Halimey Abu Bakar memperoleh 13,725 undi menewaskan calon PAS, Dr Halimah Ali dengan 9,698 undi dengan majoriti 4,027 undi. Jumlah undian keseluruhan adalah 23,423 manakala 164 kertas undi ditolak dan peratusan keluar mengundi adalah 44.1 peratus. Keputusan tersebut diumumkan Pegawai Pengurus Pilihan Raya PRK Seri Setia, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Selangor.

Bagi PRK DUN Balakong yang juga diadakan pada 8 September 2018, calon PH/DAP iaitu Wong Siew Ki memenangi PRK DUN Balakong menewaskan calon MCA, Tan Chee Teong, dengan majoriti 18,533 undi. Siew Ki memperoleh 22,508 undi manakala Chee Teong meraih 3,975 undi dalam pertandingan satu lawan satu itu. Peratusan jumlah pengundi yang keluar mengundi adalah 43 peratus atau 26,483 orang, bilangan kertas undi yang ditolak adalah 227. Pegawai Pengurus Pilihan Raya PRK DUN Balakong, Datuk Rosli Othman mengumumkan keputusan itu di Dewan Utama Demesne Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat, Selangor.

Bagi PRK Parlimen Port Dickson (13 Oktober 2018), Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) daripada PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Port Dickson dengan majoriti 23,560 undi. Beliau memperoleh 31,016 undi daripada 172 saluran undi sehingga penjumlahan tamat jam 9.15 malam. Anwar menewaskan enam pencabarnya iaitu calon PAS, Lt Kol (B) Mohd Nazari Mokhtar, yang memperoleh 7,456 undi. Calon lain, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad yang bertanding atas tiket Bebas pula memperoleh 4,230 undi, manakala bekas pembantu peribadi Anwar, Mohd Saiful Bukhari Azlan mendapat 82 undi. Tiga lagi calon Bebas, Stevie Chan Keng Leong memperoleh 337 undi, manakala Lau Seck Yan (214 undi) dan Kan Chee Yuen (154 undi). Peratus keluar mengundi ialah 58.3 peratus dan undi rosak ialah 598 undi. Anwar, 71, layak bertanding dalam PRK Parlimen Port Dickson selepas mendapat pengampunan diraja daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V pada 16 Mei 2018. PRK Parlimen Port Dickson diadakan selepas penyandangnya Datuk Danyal Balagopal Abdullah, 68, mengosongkan kerusi itu pada 12 September lalu bagi membolehkan Anwar kembali ke Dewan Rakyat. Keputusan itu diumumkan Pegawai Pengurus PRK Parlimen Port Dickson, Khairy Maamor di Dewan MPPD, Negeri Sembilan.

Bagi PRK Parlimen Cameron Highlands (26 Januari 2019), Barisan Nasional (BN) berjaya mempertahankan kerusi tersebut selepas calon langsungnya, Ramli Md Nor diumum menang dalam PRK kali ini dengan majoriti lebih besar. Beliau memperoleh 3,238 undi majoriti atau 12,038 undi keseluruhan daripada 89 saluran undi sehingga penjumlahan tamat jam 8.30 malam. Keputusan itu diumumkan Pegawai Pengurus PRK Parlimen Cameron Highlands, Datuk Ishak Md Napis, di pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Gemilang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ahmad Shah di Tanah Rata, Pahang, Ramli berjaya menewaskan tiga lagi pencabarnya iaitu calon Pakatan Harapan (PH)/DAP, M Manogaran serta dua calon bebas, bekas pensyarah kanan Institut Aminuddin Baki, Sallehudin Ab Talib dan Wong Seng Yee yang juga petani tempatan. Manogaran, yang tiga kali bertanding di kerusi berkenaan sebelum ini memperoleh 8,800 undi, sementara Sallehudin (314 undi), dan 276 undi diperoleh Seng Yee. Peratus keluar mengundi pula direkodkan sebanyak 68.79 peratus, sementara undi ditolak berjumlah 568 undi. PRK itu diadakan selepas Mahkamah Pilihan Raya pada 30 November 2018 mengisyiharkan kemenangan Datuk C Sivarraajh daripada BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) Mei tahun lalu, terbatas dan tidak sah apabila didapati berlaku amalan rasuah untuk mempengaruhi pengundi di kawasan itu.

Bagi PRK DUN Semenyih yang diadakan pada 2 Mac 2019, Barisan Nasional (BN)/UMNO merampas kembali kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih apabila calonnya, Zakaria Hanafi menang selepas meraih 19,780 undi menewaskan tiga lagi pencabarnya dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kali ini. Zakaria, yang berasal dari Kampung Sesapan Kelubi, Beranang di sini menewaskan calon Pakatan Harapan (PH)/BERSATU, Mohammad Aiman Zainali yang memperoleh 17,866 undi, sementara calon Parti Sosialis Malaysia (PSM), Nik

Aziz Afiq Abdul (847 undi) dan calon Bebas, Kuan Chee Heng atau ‘Uncle Kentang’ memperoleh 725 undi. Namun BN memperoleh kemenangan pada PRK kali ini, dengan majoriti undi lebih sedikit iaitu 1,914 undi. PRK kali ini turut menunjukkan peratusan keluar mengundi yang tinggi iaitu 73.24 peratus. Sebanyak 26 pusat mengundi membabitkan 116 saluran dibuka dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang tadi bagi membolehkan pengundi memilih wakil rakyat baharu dalam PRK DUN Semenyih. Keputusan rasmi PRK DUN Semenyih itu diumumkan Pegawai Pengurus PRK, Datuk Mohd Sayuthi Bakar di pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Seri Cempaka Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Saujana Impian, Selangor. PRK DUN Semenyih diadakan berikutan kematian penyandangnya, Bakhtiar Mohd Nor daripada PH pada 11 Januari 2019 akibat serangan jantung.

Bagi PRK DUN Rantau yang juga diadakan pada 13 April 2019, Datuk Seri Mohamad Hasan (BN)/UMNO berjaya mempertahankan kerusi tersebut. Timbalan Presiden UMNO itu yang memenangi kerusi DUN Rantau sejak 2004, memperoleh 10,397 undi daripada 56 saluran, mengatasi tiga pencabarnya dengan majoriti 4,510 undi. Pesaing terdekat bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu, Dr S Streram daripada PKR mewakili Pakatan Harapan (PH), mendapat 5,887 undi. Dua lagi calon bertanding pada PRK DUN Rantau ialah suri rumah, R Malarvizhi, mendapat 83 undi, manakala bekas pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Raja Melewar, Mohd Nor Yassin, meraih 79 undi. Jumlah undi diperoleh itu bermakna kedua-duanya hilang wang deposit. Undi rosak ialah 146 undi. PRK DUN Rantau turut mencatat peratusan keluar mengundi tertinggi berbanding enam PRK sebelum ini. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan 79.3 peratus pengundi keluar menunaikan tanggungjawab mereka. Keputusan rasmi diumumkan Pegawai Pengurus PRK DUN Rantau, Mohd Nizam Tajul Arus di pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan. PRK DUN Rantau diadakan berikutan keputusan Mahkamah Khas Pilihan Raya Seremban pada 16 November tahun lalu, mengisyitiharkan kemenangan Mohamad pada PRU-14 adalah tidak sah dan terbatal. Pada PRU-14, Mohamad memenangi kerusi itu tanpa bertanding pada hari penamaan calon 28 April 2018 selepas Dr Streram tidak dibenarkan masuk ke pusat penamaan calon kerana tidak memiliki pas dikeluarkan SPR.

Bagi PRK Parlimen Sandakan (11 Mei 2019), calon PH/DAP, Vivian Wong Shir Yee, menang dalam PRK Parlimen Sandakan dengan majoriti 11,521 selepas memperoleh 16,012 undi bagi menewaskan calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Linda Tsen Thau Lin (4,491 undi). Pertandingan lima penjuru itu turut menyaksikan tiga calon Bebas iaitu bekas pegasas Parti Amanah Negara (AMANAH) Sabah, Hamzah Abdullah mendapat 788 undi; bekas pegawai tadbir Pusat Khidmat Parlimen Sandakan, Sulaiman Abdul Samat (126 undi) dan ahli perniagaan, Chia Siew Yung (178 undi), sekali gus hilang wang pertaruhan. Pengumuman rasmi keputusan PRK berkenaan dibuat Pegawai Pengurus PRK Parlimen Sandakan, Mohd Hamsan Awang Supain di pusat penjumlahan undi di Dewan Aktiviti Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Tiong Hua, Sandakan, Sabah, pada jam 9 malam. Peratusan keluar mengundi PRK Parlimen Sandakan menunjukkan penurunan dengan hanya 54.4 peratus pengundi menunaikan tanggungjawab kali ini berbanding 72.1 peratus pada PRU-14. PRK ini diadakan berikutan kematian Datuk Stephen Wong Tien Fatt, yang meninggal dunia akibat serangan jantung pada 28 Mac 2019.

Bagi PRK Parlimen Tanjong Piai, Johor, calon Barisan Nasional (BN) iaitu Datuk Seri Wee Jeck Seng memenangi PRK Parlimen Tanjung Piai dengan majoriti 15,086 undi. Beliau memperoleh 25,466 undi menewaskan lima lagi calon yang bertanding. Calon Pakatan

Harapan (PH/BERSATU), Karmaine Sardini pula memperoleh 10,380 undi. Calon Gerakan, Wendy Subramanian menerima 1,707 undi, manakala calon Berjasa, Datuk Dr Badrulhisham Abdul Aziz memperoleh 850 undi. Dua lagi calon bebas, Dr Ang Chuan Lock memperoleh 380 undi dan Faridah Aryani Abdul Ghaffar, 32 undi. Keputusan rasmi yang menyaksikan peratusan keluar mengundi pada PRK 2019 ialah 74.5 peratus itu (PRU 2018 – 85.7 peratus) telah diumumkan oleh Pegawai Pengurus PRK Tanjung Piai, Zulkifly Mohd Tahir di pusat penjumlahan undi PRK Tanjung Piai di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian, Johor. Undi rosak ialah 595 undi. PRK Parlmen Tanjung Piai diadakan susulan kematian penyandangnya, Allahyarham Md Farid akibat komplikasi jantung 21 September 2019.

Bagi PRK Parlmen Kimanis, Sabah, Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Parlmen Kimanis menerusi kemenangan calonnya, Datuk Mohamad Alamin, 47, pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan itu dengan majoriti 2,029 undi. Menerusi keputusan rasmi yang diumumkan oleh Pegawai Pengurus PRK, Jupery Etok di Dewan Datuk Seri Panglima Mohd Dun Banir di sini jam 9.29 malam, Mohamad diisytihar pemenang dengan memperoleh 12,706 undi. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merekodkan peratusan keluar mengundi pada 79.92 peratus dengan 320 undi ditolak. Mohamad menewaskan calon Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Karim Bujang, 66, yang mendapat 10,677 undi dalam persaingan satu lawan satu itu. PRK Kimanis diadakan selepas Mahkamah Persekutuan menolak rayuan Anifah untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Pilihan Raya pada 16 Ogos 2019 bahawa kemenangannya di Parlmen Kimanis pada PRU-14 tidak sah dan terbatas selepas mendapati ada kertas undi tambahan yang boleh menjelaskan keputusan pilihan raya. Karim memfailkan petisyen pada 18 Jun 2018 bagi mencabar kemenangan Anifah.

### ***Faktor Sokongan dan Pola Pengundian***

Secara keseluruhannya, faktor sokongan dalam PRK pasca PRU 2018 adalah kerana isu semasa, pengaruh media sosial, identifikasi parti, ketokohan pemimpin, manifesto atau janji pembangunan, sentimen Melayu dan Islam, dan juga pengaruh emosi/perasaan. Bagi pola pengundian pula, pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS. Pola mengikut lokasi geografi pula memperlihatkan kawasan bandar didominasi PH manakala kawasan luar bandar kekal status quo dikuasai BN. Dari segi umur pula, BN masih menguasai undi daripada golongan tua namun golongan muda lebih cenderung kepada PH namun dengan kadar sederhana tinggi.

Bagi PRK DUN Sungai Kandis, faktor kemenangan PKR dalam PRK tersebut ialah pemilihan calon yang tepat iaitu Ustaz Mohd Zawawi Ahmad Mughni sebagai calon anak tempatan dan berlatarbelakang agama; kesiapsiagaan jentera pilihan raya PKR/PH meliputi seluruh akar umbi serta atur gerak urusan parti; status PKR/PH sebagai peneraju Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang akan memudahkan pelaksanaan projek pembangunan; dan sokongan pengundi Cina dan India yang menolak sentimen perkauman UMNO/BN. Faktor kekalahan BN dalam PRK DUN Sungai Kandis ialah faktor calon bukan anak tempatan serta terpalit dengan isu sahsiah; kelemahan jentera parti; perpecahan undi Melayu; ketidakpastian kerjasama antara parti pembangkang iaitu BN/UMNO dengan PAS; dan imej UMNO/BN yang masih terpalit dengan isu integriti parti dan kepimpinan.

Bagi pola pengundian pula menunjukkan bahawa PKR/PH hilang 35.72 peratus undi, manakala margin atau majoriti kemenangan PH jatuh dengan 5,842 undi pada PRK 2018 berbanding 12,480 pada PRU-14, 2018. Walaupun jumlah undi diperoleh menurun, PRK

merekodkan keputusan yang positif di beberapa kawasan di Sungai Kandis. Di PDM Sungai Kandis, pada PRU 2018 PKR tewas dengan majoriti 72 undi, namun PRK 2018 PKR menang dengan majoriti 34 undi. Di Daerah Mengundi (DM) Kampung Pandan, sebelum ini PKR kalah 37 undi, namun pada PRK 2018 parti tersebut kalah hanya 30 undi. Bagaimanapun, PKR kalah agak besar di Seri Gambut dan Bukit Naga iaitu masing-masing 102 dan 70 undi walaupun menang jumlah kecil pada PRU-14. Hanya 49.4 peratus daripada jumlah keseluruhan 51,217 pemilih di kawasan ini membuang undi pada PRK kali ini berbanding 85.8 peratus pada PRU 2018.

Jumlah keluar mengundi yang rendah itu mungkin berpunca daripada faktor terlalu dekat dengan PRU-14 dan kekurangan semangat dalam kalangan pengundi. Terdapat juga rasa selesa dalam kalangan penyokong PH menyebabkan mereka tidak keluar mengundi selain ada yang bekerja pada hari Sabtu. Faktor PRU mempengaruhi sentimen keluar mengundi, apatah lagi PRK DUN Sungai Kandis terpaksa diadakan tidak sampai tiga bulan selepas PRU-14. Sebahagian besar pengundi atas pagar, mungkin juga golongan muda tidak mengundi, antaranya kerana yakin tiada perubahan kepada keputusan lalu, majoriti terlalu besar diperoleh PKR pada PRU-14 atau pengundi luar tidak pulang. Faktor lain ialah kegagalan UMNO-PAS membentuk kerjasama padu serta sentimen dibawa Barisan Nasional (BN) sepanjang kempen.

Tempoh masa berkempen terlalu lama dan hari mengundi pada Sabtu yang juga hari bekerja bagi pengundi di sektor swasta. Oleh kerana peratusan keluar mengundi rendah juga, Pakatan Harapan (PH) kehilangan 8,571 undi atau 35.7 peratus berbanding PRU-14, manakala BN hilang 1,933 undi atau 16.8 peratus. Pada PRK Sungai Kandis juga, jelas menyaksikan kerjasama PAS dan UMNO belum menghasilkan sesuatu yang lumayan, kelihatannya penyokong PAS seperti mengambil sikap berkecuali. Sentimen ini boleh didorong dua faktor utama, sikap dan kenyataan pemimpin tertinggi PAS masih tidak sekata serta penerimaan ahli akar umbi terhadap orang UMNO. Jika dilihat kempen di Sungai Kandis, wujud pandangan pelbagai dari pemimpin PAS. Dari segi sejarah perjuangan PAS juga, doktrin menolak BN sudah tertanam lama dan cukup sebat dengan ahli PAS. Ini menyukarkan kerjasama dibentuk terutama di peringkat akar umbi, proses neuteralisasi ahli PAS mungkin ambil masa.

Bagi PRK DUN Seri Setia, faktor kemenangan PKR dalam PRK tersebut ialah faktor calon yang merupakan anak tempatan serta pernah berkhidmat sebagai ahli majlis PBT di kawasan berkenaan; faktor kelebihan PH sebagai penguasa Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang dapat menjalankan program pembangunan, oleh itu jika pengundi memilih calon daripada parti yang sama maka ini akan memudahkan penyelarasaran urusan pembangunan dan sebarang isu di kawasan berkenaan; dan sokongan pengundi Cina dan India terhadap PH yang merupakan parti berbilang kaum. Faktor kekalahan PAS dalam PRK tersebut ialah kurang mendapat sokongan daripada pengundi bukan Melayu disebabkan persepsi bahawa PAS sebagai parti ekstrim agama Islam yang boleh menggugat anutan agama lain; integriti PAS yang bersekongkol dengan UMNO/BN yang terpalit dengan isu 1MDB serta isu pelaksanaan GST yang menyusahkan pengundi sebelum PRU 2018; dan kekurangan dana dalam menggerakkan jentera kempen. Namun, meskipun PAS kalah dalam PRK tersebut, parti tersebut berjaya menambah undi dalam PRK DUN Seri Setia disebabkan faktor sokongan pengundi UMNO/BN kepada calon PAS atas semangat kerjasama parti pembangkang dan perpaduan ummah; calon PAS yang berpengalaman sebagai ADUN Selat Klang dan EXCO Kerajaan Negeri Selangor, berperwatakan baik, berkelulusan tinggi iaitu dalam bidang doktor perubatan, berjaya menguruskan keluarganya sehingga 6 orang anaknya belajar aliran

agama dan mengikuti jejak langkahnya yang berkerjaya sebagai doktor perubatan sepertinya dan juga suaminya; sentimen semasa iaitu perkauman Melayu dan keagamaan Islam yang memihak kepada UMNO dan PAS; dan isu penunaian janji manifesto PRU 2018 yang masih tergendala.

Dari segi pola pengundian iaitu peratusan perolehan undi, PAS berjaya memperoleh 41.40 peratus dari keseluruhan undi diterima berbanding hanya 13.72 peratus pada PRU-14. Ini bermakna PAS berjaya meningkatkan sokongan sehingga 201.74 peratus. PH pula meraih hanya 13,725 berbanding 29,250 PRU14 lalu. Oleh itu, PH hilang 53.08 peratus di Seri Setia. Majoriti kemenangan PH pada PRK kali ini ialah hanya 5,842 undi berbanding 19,372 undi pada PRU 2018. Kejayaan PAS dalam menambah lebih 100 peratus undinya dalam PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Setia memberi petanda jelas penerimaan rakyat dalam pembentukan satu blok pembangkang yang bersatu dan kuat. PAS telah mendapat kemenangan di tiga Pusat Daerah Mengundi (PDM) di mana dua daripadanya pertama kali berjaya dimenangi. Kejayaan PAS dalam menambah undi dalam PRK DUN Seri Setia 2019 adalah kemenangan moral bagi PAS dan blok pembangkang. PAS berjaya menang buat pertama kali di PDM TTDI Jaya dan Sungai Way selain berjaya menambah jumlah majoriti undi di PDM PJS5. Malah PAS juga menang di undi pos dan undi awal yang melibatkan kakitangan polis dan tentera selain berjaya menambah undi orang muda dan bukan Melayu. Ini adalah satu signal daripada pengundi bahawa mereka matang berpolitik dan tidak takut untuk membuat perubahan.

PRK DUN Balakong pula memperlihatkan kecemerlangan PH/DAP susulan peningkatan undi berbanding Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Antara faktor kemenangan DAP dalam PRK DUN Balakong ialah sokongan padu pengundi Cina yang menolak politik perkauman sempit bawaan MCA dan BN serta anti korupsi; pengundi memberi peluang dan tempoh masa yang bersesuaian kepada PH untuk menunaikan janji dan melaksanakan program pembangunan yang bermanfaat untuk rakyat; dan pengundi mengenang jasa perkhidmatan yang diberikan mendiang Eddie Ng iaitu bekas ADUN Balakong sekali gus mereka mengiktiraf perkhidmatan cemerlang tersebut.

Pencapaian tersebut adalah satu kemenangan luar biasa kerana PH memperoleh undi sebanyak 85 peratus berbanding 77 peratus pada PRU14 lalu. Ini kerana pada PRU14 lalu, PH bertembung tiga penjuru antara PAS dan Barisan Nasional (BN) berbanding PRK kali ini hanya satu lawan satu. Peningkatan 77 peratus kepada 85 peratus menandakan sokongan padu pengundi Balakong terhadap PH. Ini menunjukkan bahawa rakyat mengenang jasa perkhidmatan yang diberikan mendiang Eddie Ng iaitu bekas ADUN Balakong sekali gus mereka mengiktiraf perkhidmatan cemerlang tersebut. Ia juga adalah bukti rakyat Malaysia terutama Balakong mahu bersatu padu di bawah PH merangkumi semua bangsa dan agama. Ini juga menandakan bahawa rakyat menolak politik perkauman dan sentimen ekstrimisme yang ditunjukkan MCA. Rakyat tolak parti wakil satu kaum. Rakyat mahu PH wakili semua agama dan parti yang bersih serta bebas belenggu rasuah. Itu aspirasi rakyat Balakong dan menjadi mesej yang dihantar rakyat Balakong. Namun begitu secara angkanya, PH hilang 36.67 peratus undi di Balakong. Majoriti undi PH/DAP di Balakong pada PRK 2019 ialah 18,533 undi iaitu menurun berbanding 35,538 undi pada PRU-14, 2018. Namun begitu, undi MCA masih lemah. Kekalahan terbesar bagi MCA pada siri PRK kali ini apabila hanya mampu mendapat 3,975 undi berbanding 5,874 undi pada PRU-14. Walau bagaimanapun, peratusan undi meningkat daripada hanya 10.90 peratus kepada 15.14 peratus daripada jumlah undi yang diterima. Prestasi MCA dikira teruk kerana PRK kali ini menyaksikan

pertembungan dua penjuru sahaja berbanding tiga penjuru pada PRU-14. Pada PRU-14, PAS memperoleh 6,230 undi, lebih tinggi daripada MCA yang bertanding atas tiket BN.

Bagi PRK Parlimen Port Dickson, faktor kemenangan PH dalam PRK tersebut ialah faktor calon yang merupakan bakal Perdana Menteri yang mempunyai ketokohan, aura dan karisma sebagai pemimpin serta terus-menerus dan bertungkus-lumus setiap hari berkempen di seluruh kawasan Daerah Mengundi dalam Parlimen tersebut; jentera dan dana kempen PKR yang berkemampuan; dan perolehan mandat besar daripada warga Port Dickson termasuk kaum Melayu, Cina, India dan Orang Asli.

Dari segi pola pengundian pula, dalam keadaan peratus keluar mengundi yang lebih rendah, iaitu 58.2 peratus berbanding 82.8 peratus pada PRU-14, jumlah undi yang diperoleh PH bagaimanapun jatuh 14 peratus daripada 36,225 undi kepada 31,016 undi pada PRK tersebut. Undi yang diterima oleh PAS pula meningkat 13 peratus daripada 6,594 kepada 7,456 undi. Jurang majoriti besar ini berlaku kerana terdapat sejumlah besar daripada 18,515 pengundi Barisan Nasional (BN) pada PRU-14 tidak keluar mengundi pada PRK kali ini, seterusnya memberi kelebihan kepada calon PH untuk menang di setiap saluran dan pusat pengundian. Secara nisbahnya, PH mendapat 71 peratus undi popular pada PRK ini berbanding PRU-14 sebanyak 59 peratus, manakala PAS meraih 17 peratus undi popular berbanding 11 peratus pada PRU-14. Sekiranya peratusan mengundi pada PRK ini tidak terjejas dengan ‘kehilangan’ sejumlah pengundi yang agak signifikan pada PRU-14, mandat diperoleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada PRK ini juga akan terjejas, dengan anggaran majoriti sekitar 19,000 undi dan 57 peratus undi popular. Malah, beliau juga berkemungkinan untuk kalah di beberapa pusat pengundian majoriti Melayu seperti di Linggi dan Bagan Pinang. Jurang majoriti kemenangan bakal Presiden PKR itu di Port Dickson disumbangkan oleh sejumlah besar pengundi ‘bukan PH’ yang tidak keluar mengundi dalam PRK kali ini. Keadaan itu berbeza dengan PAS yang mendapat sedikit lonjakan daripada pengundi ‘bukan PAS’ berbanding PRU yang lalu. Justeru, hakikat yang perlu diakui oleh PH adalah betapa mandat besar yang memihak kepada Anwar pada PRK Port Dickson, umpama bebuah ombak yang kelihatan banyak, tetapi tidak kukuh dan bersifat sementara.

Empat Daerah Mengundi yang dimenangi BN pada PRU 2018 iaitu Kampung Jimah Baru, Si Rusa, Linggi dan Kampong Sungai Raya telah dimenangi oleh PH/Anwar pada PRK 2019. Bagaimanapun, corak pengundian menyaksikan hanya sedikit undi beralih kepada HARAPAN dan kebanyakan penyokong BN memboikot pilihan raya kecil itu. Bagaimanapun keputusan mungkin berbeza jika BN bertanding. Analisis pengundian menggambarkan hanya 56 peratus sahaja pengundi Melayu yang turun mengundi kerana sebahagian besar pengundi BN dilihat memboikot PRK ini. Kadar turun mengundi pengundi Cina dan India juga dianggar mengalami penurunan, iaitu hanya 65 peratus sahaja. Dengan peratusan dianggar 56 peratus sahaja yang turun mengundi, undi Melayu majoritinya diraih pihak lawan, 12,473 undi sementara PH hanya mendapat kira-kira 6,054 undi sahaja hampir sama dengan yang diraih dalam PRU-14. Suasana pengundian tersebut menunjukkan Pakatan Harapan nampaknya gagal menambah pengaruhnya dalam kalangan pengundi Melayu, meskipun calonnya ialah seorang bakal Perdana Menteri Malaysia. Undi tentera pula yang dahulu tidak berpihak kepada PH, kini berubah dengan peningkatan sebanyak 122 peratus iaitu satu peningkatan yang besar.

Bagi PRK Parlimen Cameron Highlands, faktor kemenangan BN dalam PRK tersebut ialah faktor calon; faktor komposisi etnik pengundi; identifikasi parti dan keagamaan Islam yang

tinggi; faktor isu semasa; isu harga barang dan perkhidmatan yang mahal; isu peluang pekerjaan yang terhad; kejatuhan harga sawit dan pengurangan atau ketiadaan bantuan kepada warga FELDA yang sebelum ini mendapat keistimewaan oleh Kerajaan BN yang menguasai Kerajaan Persekutuan; reputasi sebagai kubu kuat UMNO terutamanya di DUN Jelai yang merupakan kawasan yang diwakili oleh Menteri Besar Pahang sendiri; pengaruh media sosial; dan juga pengaruh emosi/perasaan.

Dari segi pola pengundian, peningkatan mendadak undi kepada BN berlaku di beberapa PDM termasuk di FELDA Sungai Koyan dua dan tiga, PDM Kuala Medang serta PDM Bukit Kota, disebabkan pertambahan undi PAS yang menyokong BN pada PRK kali ini. PH pula berjaya meningkatkan sokongan mereka di dua PDM yang menempatkan masyarakat Orang Asli iaitu di PDM Pos Sinderut dan PDM Betau, dengan peningkatan undi diperoleh mereka, namun tidak cukup untuk menewaskan BN. Berdasarkan keputusan direkodkan di setiap Pusat Daerah Mengundi (PDM), BN menang di semua 12 PDM di DUN Jelai, dengan beberapa PDM menyaksikan undi diperoleh meningkat berbanding dicapai mereka pada PRU Mei 2018.

Faktor utama kemenangan Barisan Nasional dalam PRK Parlimen Cameron Highlands adalah faktor calon. Calon yang dihantar oleh BN mewakili demografi pengundian iaitu 55 peratus adalah kawasan Melayu dan Orang Asli (34 peratus Melayu + 21 peratus (Orang Asli dan lain-lain). BN menggunakan strategi “Calon BN” dari orang Asli dan jika menang maka beliau adalah wakil pertama orang asli di Dewan Rakyat. Beliau tidak dikaitkan sebagai calon dari UMNO. Pendekatan pragmatik dengan menukar tradisi kerusi India kepada orang Asli membawa hasil dalam percaturan PRK kali ini. Ini memberikan kesan khusus kepada psikologi pengundi Melayu khususnya. Kekuatan utama BN dalam P078 yang menjadi kerusi tradisi kemenangan Barisan Nasional adalah DUN Jelai yang menyumbang kemenangan besar buat BN. BN berjaya mengekal ‘bank vote’ BN dari PRU 14 di DUN Jelai yang terdiri daripada komposisi Melayu 64 peratus dan Orang Asli 34 peratus (Cina dan India 2 peratus iaitu 7 daerah mengundi komposisi Melayu 60 peratus ke atas dan 5 daerah mengundi orang Asli. Undi-undi di kawasan Daerah Mengundi (DM) 60 peratus lebih Melayu masih dimenangi oleh Barisan Nasional. Di kawasan DM Melayu, UMNO berjaya memastikan ahli dan penyokongnya keluar mengundi. Namun walaupun wujud sokongan PAS kepada BN tetapi tidak dinafikan juga ada dalam kalangan ahli PAS (tegar dan tradisi) memilih untuk tidak keluar mengundi kerana tidak mahu mengundi BN. Dalam PRU-14, PAS menguasai 3 DM yang dimenangi melebihi 40 peratus sokongan. Isu anti DAP dan isu Melayu Islam amat menghantui pengundi Melayu. Strategi BN dari awal lagi adalah memperlihatkan kerjasama antara PAS dan BN bagi mempertahankan isu Melayu dan Islam.

Strategi BN menumpukan kepada isu dan serangan calon PH. Pergerakan calon BN tidak terserlah semua kawasan dan hanya fokus kepada kawasan Melayu sahaja. Malah dalam kalangan wartawan ada yang mengeluh sukar untuk mencari calon BN hingga wujud #mencariRamli. Pertembungan dua kerajaan juga merupakan faktor utama kerana BN mendapat kelebihan dari segi logistik dan sentimen lokal sebagai pemerintah kerajaan negeri khususnya di DUN Jelai. Antara isu yang mengikat dalam persepsi masyarakat seperti isu tanah yang dalam bidang kuasa negeri. Undi Orang Asli yang mewakili 21 peratus demografi pengundi masih kepada Barisan Nasional. Kedudukan BN sebagai kerajaan negeri dan MB Pahang sebagai ADUN Jelai memberi kesan kepada pengundian Orang Asli. BN secara tradisi mempunyai hubungan rapat dengan jaringan orang asli yang merupakan ahli UMNO lokal yang berpengaruh di kawasan berkenaan. BN mengambil strategi “micro-targeting”

kepada ahli BN dan pengundi tegar BN khususnya di DUN Jelai. Strategi BN untuk kempen (poster/bendera) lebih tertumpu kepada kawasan DM Melayu sejak awal kempen 14 hari. Kempen ‘marking’ rumah ke rumah bersama kepimpinan PAS Pantai Timur amat berkesan untuk meyakinkan pengundi mereka menyokong Barisan Nasional. BN dan PAS mempunyai kepakaran dalam sistem culaan bagi mengenal pasti pengundi. Sistem kempen DAP lebih kepada isu dan sentimen. BN mengambil ‘leverage’ atau keuntungan di atas ke atas beberapa isu iaitu isu tanah FELDA dan harga komoditi; isu integriti; isu dan kesilapan calon Pakatan Harapan dalam respon kepada isu media dan media sosial seperti ‘kuih orang asli’ – awal kempen pada minggu pertama, isu dan polemik pemberian wang, respon Senator Bob Manolan dalam pertemuan Tok Batin pada Minggu Pertama/Kedua, perbalahan YB Tengku Puji (DAP) dalam menangani isu kenderaan rasmi pada Minggu Kedua, dan pemakaian baju lambang parti di kawasan mengundi oleh calon.

Undi Orang Asli secara majoritinya masih berpihak kepada Barisan Nasional, namun pada kempen kali ini Pakatan Harapan mampu untuk masuk dan berinteraksi dengan Orang Asli lebih baik berbanding dengan PRU-14. Pada PRU-14, undi Orang Asli yang diterima bagi kawasan pos Orang Asli (DM majoriti Orang Asli melebihi 60 peratus) untuk PH adalah 479 undi sahaja. Pada PRU kali ini berlaku peningkatan undi PH kepada 997 undi (peningkatan 518 undi). BN merosot 170 undi. Peningkatan berlaku terutamanya di Pos Sinderut, Pos Betau dan Pos Lenjang. Beberapa Pos Orang Asli dilihat tinggi peratusan keluar mengundi berbanding PRU-14 seperti Pos Mensun dan di kebanyakan Pos Orang Asli di DUN Jelai. Mereka beratur untuk mengundi sejak jam 6:30 pagi.

Kedudukan Pakatan Harapan dalam PRK Parlimen Cameron Highlands, kawasan tersebut adalah suatu pertembungan ketara antara dua demografi komposisi kaum yang besar jurangnya antara DUN Tanah Rata dan DUN Jelai. Dalam komposisi seperti ini maka isu calon memainkan peranan utama dalam mempengaruhi pengundian. PH atau DAP dalam PRK ini berjaya mengekalkan pola peratusan pengundian yang sama dengan PRU-14 khususnya ‘vote-bank’ mereka di DUN Tanah Rata. DAP dengan mempertaruhkan bekas calon PRU-14, masih belum dapat mempengaruhi undi Melayu khususnya di DUN Jelai. Peratusan turun mengundi DUN Tanah Rata didapati merosot di bawah 70 peratus (wujud DM di bawah 60 peratus turun mengundi) khususnya di kawasan DM majoriti kaum Cina dan campuran. Terdapat beberapa senario yang menyumbang antaranya:

- i. Cuti Tahun Baru Cina yang terlalu rapat dengan tarikh pengundian menyebabkan sekitar 20% pengundi tinggal di luar Cameron Highlands tidak balik mengundi.
- ii. Isu pertanian dan pekerja asing di Cameron Highlands mempengaruhi undi yang terlibat dalam sektor perladangan. Ada yang memilih tidak turun mengundi sebagai tanda protes.
- iii. Persepsi ‘feel good’ bahawa jika turun mengundi tidak mengubah kerajaan atau komposisi Parlimen. Mereka tidak merasa bahawa PRK ini boleh mengubah keputusan negeri mahupun Parlimen. Ramai yang masih memberi peluang kepada kerajaan semasa.
- iv. Wujud juga senario di DUN Tanah Rata tidak turun mengundi kerana sibuk bekerja dan melihat peluang meraih pendapatan dengan kehadiran ‘pelancong pilihan raya’
- v. Wujud faktor tidak turun mengundi kalangan masyarakat Cina kerana anak-anak tidak pulang membawa orang tua pergi mengundi.

Peningkatan undi kepada Pakatan Harapan (DAP) berlaku di Daerah Mengundi Sungai Koyan 2&3 iaitu 163 undi berbanding PRU-14, 126 undi (+37 undi) dan 127 undi di Felda Sungai Koyan 1 berbanding 106 undi PRU-14. Peningkatan undi orang Asli kepada PH di beberapa Daerah Mengundi iaitu Pos Sinderut 385 (268), Pos Lenjang 126 (47) dan Pos Titum 65 (8). Pada PRK kali ini PH mampu untuk masuk berkempen di kawasan orang Asli yang mana sukar dilakukan pada PRU-14. Sentimen orang Melayu khususnya di luar bandar seperti DUN Jelai masih sukar menerima DAP sebagai calon. Sentimen dan isu perkauman yang dibangkitkan amat menjadi keprihatinan khususnya Melayu luar bandar. PH masih belum cukup masa selepas PRU-14 untuk memberi penjelasan dan mengubah pemikiran Melayu luar bandar berkaitan dengan isu rasuah, integriti, penyelewengan dan lain-lain.

PH masih perlu mempertingkatkan kemampuannya berkaitan dengan strategi penerangan dan penjelasan isu-isu perjuangan Pakatan Harapan yang berbeza antara penduduk bandar dan luar bandar. Pendekatan Strategi iaitu PH yang diwakili oleh DAP menggunakan pendekatan makro dari segi isu dan sentimen. Berbeza dengan BN dan juga PAS yang menggunakan strategi ‘micro-targetting’/marking pengundi. Dalam erti kata lain BN dan PAS mampu mengepung pengundi mereka yang terdiri dari ahli, penyokong dan pengundi atas pagar.

Ternyata keputusan PRK Cameron Highlands adalah status quo. Tiada perubahan yang signifikan terhadap landskap politik negara ini selepas 9 Mei 2018. Walau bagaimanapun, kerjasama politik antara PAS dan UMNO dilihat berjaya di Cameron Highlands. Dan jika kerjasama ini berjaya, ternyata ia akan memberi kesan kepada landskap politik negara ini kelak khususnya dalam perihal politik orang Melayu. PH masih gagal dalam memenangi undi orang Melayu di desa (luar bandar). Perlu diingat bahawa tugas untuk menangani undi orang Melayu ini adalah tanggungjawab setiap parti politik yang berteraskan Melayu. Jika dalam Barisan Nasional, sudah tentulah UMNO dan jika dalam Pakatan Harapan, sudah tentu BERSATU atau AMANAH dan juga KEADILAN. Kegagalan Pakatan Harapan menawan Parlimen Cameron Highlands ialah kerana orang Melayu masih tidak yakin parti-parti politik orang Melayu dalam Pakatan Harapan mampu menjadi wadah utama bagi memperjuangkan hak mereka.

Ini akan menimbulkan kesulitan buat Pakatan Harapan jika parti-parti politik Melayu dalam PH masih gagal untuk menangani isu ini. Kerjasama UMNO-PAS ternyata memberi keyakinan yang lebih buat pengundi melayu khususnya di desa. Jika PH masih gagal untuk menangani isu ini dengan baik, maka ia akan memberi kesan kepada pengundi Melayu di pinggir bandar dan bandar. Pasca 9 Mei 2018 sama ada UMNO ataupun PAS telah berusaha keras menimbulkan keresahan dalam hati orang Melayu bahawa negara ini bukan ditadbir oleh orang melayu lagi. Berdasarkan keputusan PRK Cameron Highlands, ternyata mereka termakan dengan ayat-ayat ini. Perang ayat saraf ini merupakan kanser; dan jika tidak bendung sebaiknya ia akan merebak kepada orang melayu di kawasan pinggir bandar dan juga bandar.

Pada mulanya wujud tanggapan bahawa apabila kerajaan ini sudah bertukar, maka undi Melayu di desa khususnya di FELDA akan beralih dan menyokong kerajaan yang sedia ada atas asas bahawa sokongan BN khususnya UMNO kerana kesetiaan mereka pada kerajaan. Sekali lagi PRK Cameron Highlands membuktikan tanggapan ini silap. Pengundi Melayu desa ini mempunyai 'political wisdom' yang tinggi. Mereka memilih UMNO kerana mereka yakin bahawa parti politik ini akan memperjuangkan hak orang Melayu dan Islam. Oleh yang demikian, menjelang beberapa bulan setahun pemerintahan PH, maka tiba masanya parti-

parti politik melayu dalam PH; BERSATU, AMANAH dan juga KEADILAN perlu lebih serius dalam menangani isu undi Melayu ini dan menjadi pesaing yang kompetitif kepada UMNO dan PAS.

Bagi masyarakat luar bandar mereka lebih prihatin kepada isu-isu rakyat seperti kenaikan harga barang, harga komoditi, bantuan kerajaan dan lain-lain masih membelenggu mereka. Masyarakat ini masih belum dapat mengapresiasi perubahan reformasi pilihan raya, parlimen dan lain-lain. Ia memakan masa. Secara asasnya PH masih mempunyai peluang, namun strategi harus disusun untuk lebih pro aktif menyantuni isu-isu sensitif melibatkan orang Melayu. Masyarakat di sana masih perlu lebih banyak pendedahan dan dirapati oleh wakil rakyat Pakatan Harapan agar rakyat dapat menerima pencerahan dan pencerdasan sebaiknya. Sekali lagi masa akan menentukan segalanya.

Bagi PRK DUN Semenyih, antara faktor yang memberi kemenangan kepada Barisan Nasional dalam PRK Semenyih adalah disebabkan oleh konsep Perpaduan Ummah yang dikemukakan oleh PAS dan UMNO; penggunaan media sosial yang mendekati rakyat juga merupakan penyumbang kepada kemenangan Barisan Nasional. Dapat dilihat faktor ‘troll’ bekas Perdana Menteri Najib Razak juga mempengaruhi minda pengundi di Malaysia; isu komposisi kaum di DUN Semenyih yang majoritinya etnik Melayu yang mempunyai sentimen perkauman Melayu dan keagamaan Islam yang tinggi; isu ICERD dan ketuanan Melayu seringkali dimainkan oleh Barisan Nasional semasa berkempen; faktor calon BN yang memilih calon tempatan dan veteran dengan meletakkan Zakaria Hanafi, berusia 58 tahun sebagai calon PRK DUN Semenyih. Beliau berpengalaman dalam politik Semenyih pada peringkat tempatan dan seluruh Semenyih telah mendapat sokongan padu daripada pengundi terutamanya pengundi dewasa dan tua seterusnya berjaya menawan kembali ‘kubu kuat’ BN tersebut dalam PRK yang lalu.

Faktor kekalahan Pakatan Harapan dalam PRK DUN Semenyih adalah isu integriti iaitu kelulusan akademik beberapa Menteri PH yang didapati palsu dan tidak diiktiraf; isu setempat, nasional dan janji manifesto oleh Kerajaan PH seperti penghapusan tol masih belum ditangani dengan baik; isu kenaikan harga barang; peluang pekerjaan yang terbatas; faktor calon iaitu percaturan PH/BERSATU meletakkan calon muka baru dan muda iaitu Muhammad Aiman Zainali, pemuda berusia 30 tahun dilihat kurang pengalaman dalam berpolitik dan dalam aktiviti sosial serta agak gopoh dan gagap dalam menjawab soalan wartawan ketika kempen PRK telah mengakis keyakinan dan kepercayaan pengundi untuk menyokong PH.

Dari segi pola pengundian pula, keputusan di Pusat Daerah Mengundi (PDM) Kampung Baharu Semenyih yang mempunyai 82 peratus pengundi Cina menunjukkan BN berjaya meraih 13.1 undi berbanding dengan 12.1 peratus pada 2018. Namun pada PRK DUN Semenyih yang baru lepas, bukan sahaja PH tewas dengan majoriti sebanyak 1,914 tetapi PH juga kalah di 20 PDM. PH hanya menang di PDM Tarun, Semenyih Indah dan Bandar Rincing Seksyen 1-4 sahaja. Ketiga-tiga kawasan daerah mengundi ini pula majoriti pengundinya adalah terdiri daripada bukan Melayu. Dianggarkan PH hanya mendapat 37.73 peratus saja undi Melayu, iaitu turun sebanyak 6.52 peratus berbanding jumlah undi Melayu sebanyak 44.25 peratus yang diperoleh oleh PH pada PRU-14 yang lepas. Keputusan di PDM Kampung Baharu Semenyih yang sama menunjukkan penurunan sokongan PH dari 81 peratus (2018) kepada 79 peratus (2019). Walaupun sokongan orang Melayu terhadap PH

merosot daripada 44 peratus (PRU4) kepada 36 peratus, penurunan itu cuma sekitar satu peratus sahaja di kawasan PDM tertentu yang mempunyai majoriti pengundi Cina.

Dalam PRU-14 2018, UMNO hanya memperoleh 35.33 peratus sahaja undi Melayu. Namun pada PRK Semenyih ini UMNO berjaya mengutip sebanyak 59 peratus undi Melayu, iaitu penambahan undi sebanyak hampir 24 peratus. Kawasan daerah mengundi yang paling jelas menunjukkan peralihan pola pengundian Melayu ialah di PDM Bukit Mahkota dan Kantan Permai yang merupakan kawasan taman perumahan yang majoriti pengundinya terdiri daripada kelas menengah Melayu. Dianggarkan 8 peratus daripada undi kelas menengah Melayu di kedua-dua kawasan tersebut telah beralih kepada UMNO. Data menunjukkan di PDM Bukit Mahkota, PH mencatat penurunan peratus sokongan undi sebanyak 10.4 peratus manakala di PDM Kantan Permai sokongan undi kepada PH merosot sebanyak 12.3 peratus. Memandangkan mereka ini majoritinya adalah dari kelas menengah Melayu, andaian awal yang boleh dibuat ialah persoalan ekonomi seperti kos hidup yang meningkat dan harga barang yang belum turun mungkin bukan faktor utama yang mempengaruhi keputusan mereka untuk menolak PH. Penurunan peratusan keluar mengundi di kedua-dua kawasan tersebut adalah sebanyak 3 peratus lebih rendah daripada PRU-14. Selain daripada menyuluh kepada peralihan undi kelas menengah Melayu yang relatifnya besar, data tersebut juga menunjukkan bahawa motivasi untuk keluar mengundi di kalangan kelas menengah Melayu di Semenyih juga rendah.

Data jumlah undi yang diperoleh PH di semua PDM yang bermajoriti besar (supermajority) Melayu iaitu kawasan di mana pengundi Melayu berdaftar berjumlah antara 75 peratus – 99 peratus menunjukkan bahawa PH tewas teruk di 15 PDM supermajority Melayu ini. Selain itu, terdapat tujuh PDM yang mana PH memperoleh undi kurang daripada 30 peratus. Di PDM Sesapan Kelubi misalnya, PH hanya memperoleh kira-kira 25 peratus undi. Daripada kutipan data tersebut terang lagi bersuluh menunjukkan terdapat perubahan pola pengundian yang ketara di kalangan pengundi Melayu di DUN Semenyih. Pengundi Cina di Semenyih bertegas menolak kenyataan perkauman dan bersifat menghasut yang dibuat oleh Nazri terhadap kaum Cina dan etnik minoriti lain di sekolah-sekolah vernakular (Cina dan Tamil) serta kenyataan Mohamad bahawa 'terdapat ramai penumpang di Parlimen' semasa tempoh kempen di Semenyih.

Bagi PRK DUN Rantau, antara faktor yang memberi kemenangan kepada Barisan Nasional dalam PRK tersebut ialah faktor calon yang merupakan anak tempatan, dikenali ramai, berpengalaman sebagai Menteri Besar, santai dan tidak mementingkan protokol, petah menggunakan loghat Minang yang seronok didengari pengundi; faktor perpaduan ummah antara UMNO dengan PAS; isu semasa seperti isu perkauman dan agama yang memberi kelebihan kepada UMNO; isu kepincangan dan kelemahan pentadbiran Kerajaan Pusat dan Negeri yang diterajui PH; dan isu kepimpinan PH yang dilihat tidak berpengalaman, tiada pengetahuan dalam selok-belok pentadbiran, gopoh dalam memberikan kenyataan, bersikap kepembangkangan, kelihatan angkuh, tidak mesra dengan penjawat awam, gemar menyalahkan pentadbiran terdahulu tanpa mencari solusi atau penyelesaian kepada isu atau permasalahan yang berlaku.

BN menang di semua saluran pengundi muda. Hal ini kerana pengundi muda berhadapan dengan peluang pekerjaan yang gagal disediakan berbanding manifesto terdahulu PH mahu menyediakan satu juta peluang pekerjaan yang berkualiti. Manifesto untuk menetapkan gaji minimum RM1500 dilihat masih gagal. Begitu juga manifesto menangguhkan bayaran balik

peninjaman bagi pemimjam bergaji bawah RM 4,000 gagal dilaksanakan. Kemenangan Mohamad Hasan ini penting bagi UMNO dan BN ketika BN gagal mempertahankan Putrajaya pada pilihan raya umum lalu. Pelantikan sebagai pemangku presiden UMNO tepat pada masanya dalam keadaan UMNO yang dilihat tercemar reputasi akibat tindak tanduk dan pemimpin sebelum ini yang membawa imej yang kurang baik dan menyebabkan kekalahan BN. Untuk UMNO memandang ke hadapan, sewajarnya Tok Mat bertanding di peringkat parlimen sesuai dengan kedudukan beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO dan berpotensi sebagai presiden UMNO pada masa akan datang. Pentingnya, Tok Mat dalam menerajui UMNO agar dapat membina budaya baru dalam politik UMNO. Politik personaliti Tok Mat ialah ramuan politiknya di peringkat dewan undangan negeri dan kepimpinan dalam parti UMNO. Kejayaan Tok mat menarik penyokong PH beralih kepada BN sepatutnya menjadi titik tolak kepada perubahan yang lebih besar kepada UMNO dan dimanfaatkan di peringkat nasional.

Dari segi pola pengundian pula, daripada 14 Pusat Daerah Mengundi (PDM), PH hanya menang 1 sahaja PDM dalam PRK Rantau ini. PH hanya menang di PDM Bandar ekar yang mempunyai peratusan pengundi Cina tertinggi iaitu, 42.1 peratus dan pengundi India ketiga tertinggi di Rantau. Didapati walaupun PH menang di PDM tersebut namun terdapat peratusan menurun daripada 70.3 peratus pada PRU lalu kepada 60 peratus kali ini. Penurunan 10 peratus ini memancarkan sokongan terhadap PH semakin merosot di kawasan kubu kuat PH sendiri. Hal ini jauh berbeza dengan PRU lepas apabila PH memenangi separuh daripada PDM lepas. BN pula memenangi 13 daripada 14 pusat daerah mengundi. PH memenangi separuh PDM pada PRU lalu. Di PDM Pekan Sagga terdapat 63.7 peratus pengundi India, dan apabila digabungkan dengan pengundi Cina menjadikannya membentuk 80 peratus pengundi. Di kawasan itu juga peratusan India paling tinggi di Rantau. Pada PRK Rantau kali ini BN menang di PDM ini, malah BN berjaya menambahkan undi. Berdasarkan pola ini juga, BN berjaya menambahkan 50 hingga 300 undi di setiap PDM berbanding pilihan raya umum sebelumnya. Di kawasan majoriti pengundi Melayu, undi memihak BN lebih tinggi. Selain itu, BN berjaya menang empat daripada lima kawasan atau daerah yang mempunyai peratusan penduduk India dan Cina yang tinggi. Sebelum ini merupakan penyokong tegar PH. Ini termasuklah di Linsum yang mempunyai 54 peratus bukan Melayu, Pekan Sagga (80 peratus bukan-Melayu), Rantau (83 peratus bukan-Melayu) dan Kuala Sawah (55 peratus bukan-Melayu).

Bagi PRK Parlimen Sandakan pula, terdapat 6 faktor DAP menang dalam PRK Parlimen Sandakan. Pertama, keyakinan dan sokongan penuh daripada pengundi Sandakan untuk Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, yang telah bersama-sama turun berkempen dari rumah ke rumah selama berhari-hari dan berucap di dalam banyak ceramah DAP, termasuk 45 minit di ceramah kemuncak (grand finale) dalam hujan lebat tanpa berpayung. Ramai pengundi Sandakan, termasuk pengundi Melayu dan Muslim, tersentuh dengan semangat beliau untuk berkhidmat, membangunkan dan membawa perubahan untuk menjadikan Sabah lebih baik, lebih makmur dan bersih untuk semua tanpa mengira bangsa atau agama.

Faktor kedua ialah keyakinan dan sokongan penuh terhadap kepimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Mohd Shafie sebagai pemimpin satu-satunya gabungan yang berkebolehan dan layak untuk menyatukan, mentadbir dan mewakili semua rakyat Malaysia secara geografi dan demografi. Seperti dibuktikan dalam keputusan PRK Sandakan, pembangkang tidak mampu menandingi kombinasi Warisan, DAP dan Pakatan Harapan

dalam mengutamakan kesederhanaan dan menyatukan rakyat Malaysia dengan mewakili semua kaum, agama, dan kawasan. Penolakan politik perkauman yang memecah-belah dan merosakkan, ekstremisme agama, dan korupsi pembangkang ini adalah hadiah terbaik sempena ulang tahun pertama Warisan dan PH memenangi kuasa di peringkat negeri dan kerajaan Persekutuan.

Faktor ketiga ialah sokongan untuk pembangunan berpaksikan rakyat berbanding kapitalisme kroni untuk menjadikan ekonomi Sandakan dinamik semula, manakala sebab keempat ialah penolakan korupsi dan kerajaan kleptokrasi untuk diganti dengan pentadbiran secara baik dan bersih. Rakyat sudah letih dan bosan dengan rasuah dan ini merupakan penolakan secara sepenuhnya anggota politik korup yang berkempen di Sandakan, seperti anggota Parlimen Kinabatangan dan mantan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak. Faktor kelima kemenangan DAP itu ialah sokongan terhadap kerja baik yang dilakukan oleh mantan anggota Parlimen Sandakan Datuk Stephen Wong iaitu bapa Vivian; idealisme dan keutuhan prinsip DAP; dan Vivian sebagai calon yang baik dan melambangkan masa depan dan pemerkasaan wanita dan golongan muda. Faktor keenam yang diberikannya ialah jentera pilihan raya DAP dan mobilisasi pemimpin dan anggota, yang mendapat sokongan kuat daripada Warisan dan PH, membentarkan kempen yang menyeluruh diisi dengan tenaga, kepantasan, dan capaian pengundi yang meliputi keseluruhan kawasan parlimen.

Dari segi pola pengundian, dua daerah mengundi yang terdiri daripada majoriti pengundi Bumiputera Islam iaitu Sim-Sim dan Pulau Berhala memihak kepada Pakatan Harapan (PH). Pengundi Sandakan termasuk di kalangan Bumiputera Islam mempunyai banyak pertimbangan seperti faktor kos sara hidup (bread and butter) sebelum membuat pilihan mereka. Ini kerana sebahagian besar pengundi di Sandakan terdiri daripada golongan B40 yang harus memikirkan “periuk nasi” mereka, di tengah-tengah pelbagai subsidi dan bantuan daripada kerajaan dikurangkan. Jika mereka undi menentang kerajaan hari ini, mereka berdepan dengan risiko nama mereka kena senarai hitam untuk menerima sebarang bantuan kerajaan. Bagi sesetengah golongan Bumiputra, dalam politik pembangunan di Sabah ini sebarang bantuan daripada kerajaan kepada mereka adalah amat penting. Memandangkan kerajaan semasa adalah PH, maka pastinya akan mendorong mereka mengundi kerajaan memerintah. Adalah tidak adil sekiranya kredit hanya diberikan hanya kepada Ketua Menteri Sabah Shafie Apdal atau sesbuah parti sahaja susulan kemenangan DAP di Sandakan. Kemenangan itu haruslah dilihat sebagai hasil usaha kolektif semua parti-parti komponen PH-Warisan.

Dalam konteks Sandakan, kemungkinan orang yang mengundi kerana mereka beri kepercayaan (kepada PH) dan benci kepada BN masih menebal. PBS atau UMNO serta jentera-jentera pembangkang tidak mampu menimbulkan perasaan ketidakpuasan begitu tinggi kepada Warisan. Kejayaan yang diperoleh PH mempunyai kaitan secara langsung dengan kewibawaan dan pengaruh Shafie selaku Presiden Warisan itu. Shafie bukan sahaja sebagai ketua menteri yang dilihat mempunyai arah kepimpinan yang jelas, tetapi juga dilihat sebagai seorang pemimpin Islam yang dapat digantung harap.

Antara faktor utama penyumbang majoriti besar Barisan Nasional pada Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai, 16 Nov lepas, adalah kerana faktor calonnya iaitu Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng itu sendiri. Pesona, populariti dan khidmat bakti Wee, yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Pekan Nenas selama sepenggal, serta Ahli Parlimen Tanjung Piai selama dua penggal, nyata menepati tahap kepuasan masyarakat di situ. Bekas Ahli Parlimen

Tanjung Piai itu dilihat lebih berpengalaman, berwibawa dan mesra berbanding calon Pakatan Harapan (PH), Karmaine Sardini. Peribadi Wee Jeck Seng dan keampuhan jentera BN dibantu Pas melalui kerjasama Muafakat Nasional dianggap faktor utama memberi kemenangan besar BN. Kekuatan Jeck Seng juga ditunjangi oleh keampuhan jentera BN dan PAS yang berjaya disatukan menerusi Muafakat Nasional. Faktor tersebut amat signifikan kerana jentera UMNO dan PAS dilihat berusaha keras memastikan setiap pengundi putih dibawa keluar mengundi, walaupun kerusi Parlimen Tanjung Piai ditandingi calon dari MCA. Selain itu, isu-isu kemarahan dan kekecewaan rakyat terutama masyarakat Cina terhadap kegagalan kerajaan menangani peningkatan kos sara hidup, janji manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) tidak dipenuhi dan kegagalan PH menangani isu-isu sensasi dimainkan BN juga menyumbangkan kepada faktor kekalahan PH pada kali ini. Calon PH juga dilihat terperangkap dengan isu tercetus akibat kesilapan mereka sendiri di samping kebijaksanaan jentera BN memainkan isu-isu negatif melibatkan Kerajaan PH yang akhirnya mempengaruhi keputusan pengundi. Secara ringkasnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemenangan BN dan kekalahan PH dalam PRK Parlimen Tanjung Piai.

- i. Faktor calon PH - pendekatan kurang berjaya berbanding calon BN MCA.
- ii. Faktor Muafakat Nasional - Kempen dijalankan di pihak UMNO untuk PDM Melayu menjelaskan tentang Muafakat Nasional UMNO - PAS. Pendekatan sederhana namun memberi impak terus kepada sentimen pengundi Melayu di luar bandar. UMNO dan PAS dilihat parti kekampungan ada penyokong grassroot/akar umbi.
- iii. Pesona MB Johor - Pesona MB JOHOR selaku pemimpin PPBM tidak terserlah dan tidak mampu untuk menandingi persaingan bekeas MB Johor Dato' Seri Khaled Nordin.
- iv. Kempen MCA - tidak menyentuh soal Muafakat Nasional. Sentuhan isu melibatkan isu nasional seperti tulisan Jawi, Zakir Naik, yuran dan peruntukan UTAR dalam budget 2020 dan ekonomi.
- v. Jentera PH dan komponen parti dalam PH tidak bergerak sebagai satu pasukan dan dilihat tidak dapat menguasai jentera kerajaan untuk menerangkan dasar-dasar yang telah dijalankan sepanjang setahun 8 bulan.
- vi. Isu nasional lebih menguasai isu setempat.
- vii. Kedudukan geografi kawasan PRK kawasan nelayan dan peneroka kelapa sawit, kebergantungan kepada bantuan saraan kerajaan dilihat masih mengharapkan bantuan.
- viii. Penguasaan media PH yang lemah dan sukar diterjemahkan oleh agensi kerajaan seperti Bernama dan RTM
- ix. Politik perkauman dan agama masih menguasai penduduk di luar bandar dengan strategi kempen kelompok dikuasai oleh Muafakat Nasional.
- x. Undi protes lebih terserlah, untuk kembali mengundi BN (Muafakat Nasional) dalam kalangan pengundi Cina utk PRU-15.

Dari segi pola sokongan mengikut etnik, didapati kedua-dua etnik Melayu dan Cina menyokong calon MCA/BN daripada etnik Cina disebabkan faktor calon dan identifikasi parti yang kukuh dalam PRK Parlimen Tanjung Piai tersebut. Majoriti pengundi Cina mengundi dalam PRK kali ini berdasarkan kepada faktor calon (sosiologi) iaitu Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng daripada etnik Cina juga serta berdasarkan kepada faktor lebih kenal dan kenang jasa calon BN/MCA tersebut yang pernah menjadi ADUN Pekan Nenas selama sepenggal (2004), serta Ahli Parlimen Tanjung Piai selama dua penggal (2008 dan 2013).

Bagi pengundi Melayu pula, meskipun PH meletakkan calon Melayu namun majoriti mereka masih mengundi calon etnik Cina daripada BN/MCA. Ini kerana pengundi Melayu di Parlimen Tanjung Piai dan juga di Johor masih setia dengan identifikasi parti serta patuh kepada arahan pimpinan parti iaitu UMNO/BN. Mereka akan terus mengundi berdasarkan parti dan mereka tidak kisah latar belakang sosioekonomi calon tersebut. Oleh sebab itulah calon BN iaitu Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng daripada etnik Cina menang di kesemua Daerah Mengundi majoriti etnik Melayu termasuk di kawasan asal calon PH sendiri iaitu di Sungai Kerang.

Dari segi geografi pilihan raya, semua kawasan Daerah Mengundi luar bandar yang majoritinya daripada etnik Melayu terus kukuh menyokong calon MCA/BN manakala semua kawasan bandar/pekan yang majoritinya daripada etnik Cina telah berlaku sedikit peralihan undi daripada PH kepada BN/MCA disebabkan faktor calon, keadaan sosioekonomi dan isu semasa yang memberi kelebihan atau kemenangan kepada BN/MCA di kesemua Daerah Mengundi bandar tersebut.

Kemenangan BN dalam PRK Parlimen Kimanis pula menunjukkan bahawa pengaruh identifikasi parti lebih kuat berbanding sentimen politik pembangunan. Kimanis sejak dahulunya adalah kawasan tradisi atau kubu kuat USNO yang kemudiannya beralih kepada UMNO/BN. Namun kemenangan BN juga disebabkan oleh beberapa lagi faktor lain iaitu faktor calon yang bertanding, jentera kemenangan BN yang bersungguh-sungguh dan bersistematik, isu setempat yang dijadikan pengajaran kepada PH untuk membangunkan Kimanis dengan lebih kental dan cepat dan isu Pas Sementara Sabah (PSS) yang dilihat boleh mengancam rakyat Sabah.

Pemilihan Datuk Mohamad Alamin sebagai calon yang mewakili BN pada PRK Kimanis adalah tepat berdasarkan kepada pengalaman beliau, personaliti dan juga wakil calon parti lawan. Beliau antara nama-nama yang semangnya dikenali ramai dikalangan penduduk parlimen Kimanis terutamanya bg pengundi di DUN Bongawan. Ini kerana, beliau pernah memenangi kerusi DUN Bongawan pada PRU-13 dengan majoriti 3,392. Pemilihan beliau juga sedikit sebanyak memberi kelebihan kepada BN untuk mendapat kembali sokongan pengikut-pengikut Karim Bujang yang pada asalnya adalah pengundi BN. Dengan perwatakannya yang peramah dan mudah didekati oleh rakyat berjaya menawan hati pengundi di parlimen Kimanis.

Pergerakan jentera parti juga adalah penyumbang kepada kemenangan sesuatu parti yang bertanding. Pada PRK kali ini, boleh dikatakan hampir semua pemimpin tertinggi BN, PAS, PBS dan STAR turun ke lapangan untuk berkempen. Ia sedikit sebanyak memberi keyakinan kepada rakyat akan kesungguhan parti untuk memenangi PRK pada kali ini. Sepertimana berlaku ketika Pakatan Harapan menjadi pembangkang, hampir kesemua kepimpinan utama parti komponen dalam PH turun padang mendekati rakyat dalam meraih sokongan. Dengan kesungguhan yang ditonjolkan telah membawa hasil pada pada PRU-14 yang lalu. Sebaliknya berbeza pada PRK kali ini, hanya segelintir kepimpinan PH turun di lapangan.

Dari segi isu dalam PRK Kimanis, antara isu yang menjadi bahan kempen oleh BN pada PRK kali ini ialah seperti isu Pas Sementara Sabah (PSS), Kredibilit SPR dalam mengadakan PRK sehingga memperuntukkan satu jumlah perbelanjaan yang besar, isu keperibadian calon lawan iaitu Karim Bujang yang keluar dari BN, isu kedudukan ekonomi negara, masalah harga komoditi kelapa sawit yang menjunam, isu lanjutan konsesi tol PLUS, manifesto PH

dan sebagainya. Dalam pada BN cuba menyakinkan rakyat dengan isu-isu yang dibangkitkan, wujudnya satu serangan psikologi menyasarkan mantan perdana menteri dengan penyiaran klip audio berkaitan 1MDB. Hakikatnya rakyat mula bosan dengan isu tersebut yang tidak berkesudahan dan hanya timbul setiap kali berlakunya PRK, seperti mana berlakunya pada PRK Tanjung Piai. Kesudahannya isu-isu seperti ini diibaratkan sebagai bounce ball yang mana hanya memakan diri sendiri. Sebaliknya rakyat mengharapkan satu perubahan dari sudut ekonomi, peningkatan sara hidup dan pembangunan di kawasan mereka.

Dari segi pola pengundian, kebanyakannya undi saluran muda memihak kepada calon BN yang meletak calon BN yang lebih muda (47 tahun) berbanding calon WARISAN (66 tahun). BN juga menang di kawasan yang mempunyai tahap pembangunan yang lebih rendah seperti di Daerah Mengundi Batu Enam, Kabang, Kimanis Mandahan, Kuala Pus, Bongawan Estate, Binsulok, Lumat, Mawao dan Sinuka mereka memberi isyarat sebagai ‘protes’ iaitu inginkan pembangunan dilaksanakan terlebih dahulu kemudian baharulah undi akan diberi kepada pihak yang berjaya menuaikan janji pembangunan di kawasan mereka.

### ***Impak Pilihan Raya Kecil Pasca PRU 2018***

Secara keseluruhannya, Pilihan Raya Kecil (PRK) di sesuatu kawasan adalah bersifat ‘lokal’ atau ‘tempatan’ serta berfokus, justeru ia tidak dapat menggambarkan senario keseluruhan politik bagi kawasan yang lebih besar atau dalam bahasa mudah ialah politik nasional. Setiap kawasan mempunyai senario atau persekitaran yang berbeza mengikut ruang dan masa. Setiap kawasan juga mempunyai isu atau masalah dan keperluan sosioekonomi yang berbeza. Tambahan pula, ilmu politik pilihan raya bersifat dinamik dan sukar diramal dengan tepat. Ini kerana sokongan atau pendirian politik individu bersifat terlalu ‘peribadi’ dan sukar dikongsi dengan orang lain terutamanya dengan orang atau pihak yang tidak dikenali. Keputusan PRK Parlimen Tanjung Piai dipengaruhi oleh kadar keluar mengundi secara keseluruhan, peranan pengundi setempat/in-situ dan pengundi perantau dan motif atau tujuan PRK diadakan. Kadar keluar mengundi secara keseluruhan yang rendah pada PRK berbanding PRU memberi kelebihan kepada BN untuk menawan semula Parlimen ini yang sebelum ini merupakan kubu kuat BN. BN juga mendapat sokongan kuat daripada pengundi setempat yang mempunyai sentimen kesetiaan terhadap identifikasi kepartian yang tinggi berbanding pengundi perantau yang bersifat dinamik serta bersifat ‘tunggu dan lihat’ yang majoritinya menyokong PH.

PRK juga hanyalah medan untuk memilih wakil rakyat yang bersifat setempat dan lebih dapat menrik minat pengundi setempat untuk keluar mengundi, berbanding PRU yang bukan hanya sekadar memilih wakil rakyat malahan bertujuan untuk memilih sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan yang sepastinya memberi impak besar kepada pembentukan dan pelaksanaan dasar pada peringkat negeri dan persekutuan. Oleh itu, PRK tidak boleh dijadikan petunjuk yang muktamad terhadap keputusan PRU akan datang. Ini kerana setiap kawasan pilihan raya mempunyai isu atau masalah yang tersendiri serta berbeza budaya politik pengundinya. Keputusan sesuatu pilihan raya juga bergantung kepada segmen pengundi seperti pengundi tua, pengundi muda, pengundi setempat/menetap/in-situ, pengundi perantau, pengundi atas pagar, pengundi kakitangan swasta, pengundi kakitangan kerajaan dan sebagainya. Lazimnya pada masa kini, pengundi tua, pengundi setempat/menetap/in-situ, pengundi kakitangan kerajaan dan pengundi etnik Melayu lebih cenderung menyokong BN; manakala pengundi muda, pengundi perantau, pengundi kakitangan swasta dan pengundi etnik Cina lebih cenderung mengundi PH.

Kebiasaan juga pada setiap PRK, pengundi perantau agar sukar untuk pulang mengundi kerana masalah kos, kesibukan bekerja, penat memandu dan PRK hanya untuk memilih wakil rakyat bukannya melibatkan pertukaran Kerajaan oleh itu PRK tidak penting bagi pengundi perantau. Oleh itu, pengundi menetap akan turun mengundi seperti biasa dan ini memberi kelebihan kepada BN untuk memenangi sesuatu PRK. Ini kerana pengundi menetap lebih merasai kehidupan di kawasan mereka, faktor kenang jasa BN yang membawa pembangunan di kawasan mereka, yakin terhadap pengalaman dan kecekapan jentera BN dan kebiasaan BN akan mengemukakan calon yang terbaik dalam sesuatu PRK seperti calon tempatan, berpengalaman dalam berpolitik serta sebagai wakil rakyat, lebih dikenali, lebih mesra rakyak, lebih turun padang, lebih memahami masalah serta kehendak rakyat dan lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh berhubung dengan rakyat (best engagement) dan sebagainya.

Malah juga dalam tempoh beberapa bulan atau beberapa tahun daripada PRK menuju PRU, pelbagai kemungkinan isu semasa, strategi politik dan stail kepimpinan yang akan berlaku yang boleh mengubah keadaan atau sokongan, bersesuaian dengan ciri-ciri ilmu politik pilihan raya itu sendiri yang bersifat seni, dinamik dan tiada yang mustahil bergantung kepada strategi parti politik dan pemimpin masing-masing. Sebagai contohnya, ketika PRK DUN Ijok, Selangor pada tahun 2007, majoriti kemenangan BN menewaskan PKR meningkat dari 1,649 undi (PRU 2004) kepada 1,850 undi (PRK 2007), sebaliknya BN tewas kepada PKR pada PRU 2008 kepada 1,920 undi, bahkan BN buat pertama kalinya tewas pada peringkat DUN Selangor seterusnya BN menjadi pembangkang di DUN Selangor hingga sekarang (PRU 2018-2020). Begitu juga dengan PRK DUN Pengkalan Pasir, Kelantan, pada PRU 2004 PAS hanya menang dengan majoriti 56 undi, namun tewas kepada BN pada PRK 2005 dengan majoriti 134 undi, sebaliknya BN tewas kembali kepada PAS pada PRU 2008 dengan majoriti 2,348 undi. Begitu juga dengan PRK Sungai Besar pada 2016, pada PRU 2013 BN menang dengan hanya 399 undi, kemudian pada PRK 2016 BN menang dengan majoriti lebih besar iaitu 9,191 undi akibat pertandingan 3 penjuru (perpecahan parti pembangkang antara PH dan PAS), sebaliknya pada PRU 2018 BN tewas pula kepada calon PKR/BERSATU dengan majoriti tipis 714 undi.

Ini semua disebabkan peratusan keluar mengundi pada PRU lebih tinggi berbanding PRK kerana pengundi perantau pulang mengundi serta isu nasional lebih mendominasi pemikiran pengundi untuk membuat keputusan bagi mengundi dalam PRU serta tujuan mengundi PRU adalah lebih besar dan penting iaitu untuk memilih Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang akan menentukan dasar pemerintahan dalam masa 5 tahun penggal pemerintahan. Antara sela masa PRK 2016 hingga PRU 2018 iaitu dalam tempoh 2 tahun, PH telah berjaya membuat strategi politik yang berkesan seterusnya berjaya menawan Putrajaya dengan menetapkan penggunaan 1 logo sahaja untuk menentang BN dan PAS dalam PRU 2018, bersetuju dan membuat ketetapan untuk melantik Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri jika PH berjaya mengambil alih Putrajaya, melancarkan manifesto bersama PH, menyelesaikan pembahagian kerusi untuk PRU-14 serta berjaya menyelesaikan program Jelajah PH di seluruh negara untuk menerangkan kerosakan yang telah dibuat oleh BN dan Dato' Seri Najib terhadap negara serta menghujahkan program pembangunan negara jika diberi peluang untuk memerintah Malaysia.

Impak seterusnya ialah kebanyakan PRK ini memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus terutamanya di Sungai Kandis, Seri Setia dan Balakong. Sebab-sebab peratusan mengundi bawah 50 peratus dalam PRK ini ialah

kerana kesan persempadan Pilihan Raya PRU-14 yang mengelirukan pengundi akibat dipindahkan tempat mengundi ke pusat mengundi atau DUN lain; dihantui persepsi negatif terhadap proses pilihan raya Mei 2018 dimana mereka terpaksa beratur panjang yang menyebabkan mereka penat dan ada juga tidak sempat mengundi kerana terlalu lama menunggu undi membuang undi; persepsi psikologi pengundi yang merasa “segalanya ok!” (complacent feel good factor) iaitu terdapat tiga kategori iaitu pengundi ahli parti berdaftar, pengundi penyokong dan pengundi atas pagar iaitu mereka (pengundi atas pagar) merasakan mereka tiada objektif besar terhadap PRK kali ini dan menjangkakan Pakatan Harapan akan menang. Mereka juga tiada motivasi khusus untuk keluar pengundi kerana Pakatan Harapan kekal memerintah Selangor dan seterusnya Putrajaya (Kerajaan Persekutuan) berubah daripada Barisan Nasional ke Pakatan Harapan; tarikh PRK tidak sesuai dengan mood cuti panjang iaitu cuti panjang dalam tempoh tiga minggu ini hingga ke cuti sambutan Hari Malaysia 16 September 2018 untuk pergi bercuti di luar kawasan; suasana pengundian Lembah Kelang yang terdiri dari penduduk bandar dan pinggir bandar iaitu demografi masyarakat berdekatan dengan ibu kota adalah masyarakat yang digolongkan sebagai ‘smart voters’ yang tidak mudah bergantung kepada sentimen semata-mata. Justeru, psikologi pengundi sedemikian mudah dipengaruhi dengan faktor yang dinyatakan, di atas. Mereka ini adalah pengundi yang saban hari mudah menerima pendedahan isu politik daripada media cetak, elektronik dan media sosial. Psikologi mereka juga mungkin sudah muak untuk ‘berpolitik’ dalam suasana PRU14 baru berlalu, dalam masa tiga bulan.

Impak berikutnya ialah wujudnya kerjasama politik antara UMNO (BN) dengan PAS atas dasar ‘perpaduan ummah’. Kerjasama yang terjalin antara PAS dan UMNO bakal beri kesan kepada lebih 20 kerusi Parlimen yang berjaya dimenangi Pakatan Harapan (PH) pada PRU-14 lalu. PH amat ‘takut’ dengan kerjasama tersebut kerana mereka melihat potensi yang boleh memusnahkan pentadbiran mereka ketika ini. Jika PAS dan UMNO bekerjasama untuk PRU nanti, maka tergugatlah Kerajaan PH yang ada pada hari ini. Ini kerana, antara 20 kerusi yang dimenangi itu adalah disebabkan pertembungan tiga penjuru iaitu PH, PAS dan UMNO. Namun jika PAS dan UMNO bergabung, lawan satu sama satu dengan PH, maka peluang PH memang jadi gelap. Berkemungkinan kerusi ini akan hilang dari PH. Maka peluang menjadi kerajaan adalah kecil. Ini dikatakan potensi kerusi. Kerjasama yang dijalankan dengan UMNO juga bukan disebabkan soal kepimpinan, individu, politik kedua-dua parti dan sebagainya, namun ia berlandaskan kepentingan Islam dan bangsa melayu pada masa akan datang. Kerjasama tersebut perlu mengalahkan PH kali ini memandangkan selama setahun pentadbiran baru, banyak perkara yang menimbulkan keresahan rakyat terutamanya agenda politik perkauman DAP itu sendiri yang sengaja cari kesempatan.

Impak seterusnya ialah berlakunya beberapa reformasi atau pembaharuan pilihan raya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berdasarkan PRU dan PRK. SPR membuat beberapa penambahbaikan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Kandis yang pada 4 Ogos 2018. Antara penambahbaikan yang dibuat adalah dengan mewujudkan dua saluran bagi pengundi 60 tahun ke atas dan menambah saluran mengundi di pusat-pusat mempunyai jumlah pemilih yang ramai. Dalam PRK DUN Sungai Kandis, sebanyak 21 saluran baharu diwujudkan bagi mengelakkan jumlah pengundi terlalu ramai di satu-satu saluran menjadikan keseluruhannya adalah 109 saluran berbanding 88 pada PRU-14 lalu. Selain itu, SPR turut memanjangkan tempoh masa pengundian dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang berbanding 5 petang sebelum ini. Pada PRK kali ini juga, SPR turut menawarkan kepada mana-mana Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan-badan yang berminat untuk menjalankan pemerhatian ke atas proses pengundian. Mereka boleh terlibat dari hari

penamaan calon sehingga keputusan PRK diumumkan. Pihak berkenaan juga dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan dan pusat penjumlahan rasmi undi. Mana-mana pihak yang berminat untuk menjadi pemerhati boleh mengemukakan permohonan kepada SPR pada sebelum tarikh yang ditetapkan.

Impak berikutnya ialah penunaian janji pilihan raya berdasarkan manifesto dalam PRU 2018 dan PRK serta pembaharuan dalam institusi. Pertamanya, prestasi pencapaian Janji Kerajaan bagi tempoh 10 Mei 2018 sehingga 30 April 2019 untuk "Membina Negara dan Memenuhi Harapan" adalah sebanyak 39.01 peratus. Prestasi ini diukur melalui status kemajuan 464 Inisiatif yang merupakan dasar dan tindakan-tindakan spesifik yang dinyatakan dalam setiap janji. Sebanyak 53 Inisiatif atau 11.42 peratus telah ditunaikan dari 128 Inisiatif, manakala 283 Inisiatif atau 60.99 peratus adalah di peringkat Dalam Perancangan atau Belum Mula. Prestasi ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29.34 peratus berbanding 9.67 peratus pada 31 Disember 2018. Reformasi dalam undang-undang sudah dilaksana atau sedang dilaksana. Semua undang-undang yang zalim dan menekan rakyat sudah dibatal atau dihenti penguatkuasaannya. Pelaksanaan hukum bunuh dihenti sementara meneliti pendapat rakyat yang tidak semuanya bersetuju hukum ini dihapuskan. Demikian juga undang-undang berkenaan berita palsu telah digantung sementara menunggu penghapusan. Media diberi kebebasan sepenuhnya tanpa perlu menunggu arahan atau pesanan dari pemimpin-pemimpin atau orang suruhan mereka di Putrajaya seperti sebelum ini. Pertumbuhan ekonomi masih berterusan dan tanda-tanda menunjuk kepercayaan pelabur sudah meningkat. Janji mengembali kepada perjanjian Malaysia tahun 1963 telah dilaksana dan diperakui oleh Kerajaan Pusat dengan pengiktirafan Malaysia sebagai cantuman Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Pengekalan Malaysia sebagai stabil dan aman merupakan kejayaan yang besar bagi PH kerana ramai yang khuatir negara ini akan dilanda rusuhan kaum dan agama jika PH memerintah. The Rule of Law atau pemerintahan mengikut undang-undang jelas diamalkan oleh PH. Pemisahan kuasa antara tiga pihak iaitu pembuat, undang-undang, pelaksana pentadbiran dan kehakiman jelas diamalkan.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, PRK ini memperlihatkan sebahagian besar PRK ini memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama/taawun politik (perpaduan ummah) antara UMNO (BN) dengan PAS. PRK ini juga memperlihatkan berlakunya beberapa reformasi atau pembaharuan pilihan raya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan penunaian janji pilihan raya berdasarkan manifesto dalam PRU 2018 dan PRK serta pembaharuan dalam institusi. Kesemua PRK ini memperlihatkan peri pentingnya peranan pihak berkuasa dalam menuaikan janji pilihan raya, pentingnya suara dan harapan rakyat didengari serta diselesaikan permasalahan mereka terutamanya isu ekonomi dan perpaduan. PRK ini juga memberi refleksi mengenai pengurusan isu dan krisis yang berkesan dan bijaksana, kesiapsiagaan parti politik dalam memperkemaskan jentera pilihan raya masing-masing di samping dapat memberi motivasi kepada kepimpinan parti untuk bekerja lebih kuat bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15 akan datang. Oleh itu, analisis impak kajian ini adalah penting dalam menyumbang kepada proses perjalanan pilihan raya, undang-undang pilihan raya, garis panduan, ketelusan, strategi parti politik dan kaitannya dengan dunia global.

## Rujukan

- Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 6 (3), 46-56.
- Ahmadi Al-Aziz. (1998). Arau. Kuala Lumpur: Usnie Publication.
- Amer Saifude Ghazali. (2011). Latar Belakang Kawasan Pilihan Raya. Dlm. Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali & Zulkainin Abdul Rahman (Edt.), *Pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu 2009*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amer Saifude Ghazali. (2013). Analisis dan Pola Pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali (Edt.), *Pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Arnold Puyuk. (2005). ‘The 2004 Ba’Kelalan By. Election in Sarawak, East Malaysia: The Lun Bawang Factor and Whither Representative Democracy in Malaysia’. *Contemporary Southeast Asia*, 27 (1), 64-79.
- Chiok Phaik Fern. (2011). Repositioning of Opposition Front and Ruling Coalition in the Aftermath of Malaysia General Election 2008: A Study on the By-Election Results and the Political Issues Involved. Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011. Tempat dan anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Ghazali Mayudin. (1990). *Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka Mac 1990. Laporan Akhir Teknik Penyelidikan*. Bangi: Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Mohd Yaakop. (2000). *Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, Laporan Projek Penyelidikan*, Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: tidak diterbitkan: 1-32.
- Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Norshidah Nordin, Shaharuddin Badaruddin, Mat Zin Mat Kib, Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno, Zulkifli Dahalan, Mujibu Muis & Shu'aibi Zainal Abidin. (2009). Isu dan Tingkah Laku Semasa Kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt.), Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Junaidi Awang Besar. (2012). Persepsi Politik dan Trend Pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (3), 61-70.
- Junaidi Awang Besar. (2017a). Status quo penguasaan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan dewan undangan negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan melalui strategi politik pembangunan. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2017. Tempat: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Anjuran: Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Dengan Kerjasama: Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia & Kelab Geografi USM. 23 & 24 Februari.
- Junaidi Awang Besar. (2017b). Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. The 6th International Conference On Public Policy & Social Science (ICOPS 2017). Organized By: Faculty Of Administrative Science And Policy Studies, UiTM Kedah

- Branch and Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Negeri Sembilan Branch. In: TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia. On: 8-10 March (Wednesday-Friday).
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *Journal of Administrative Science Special Edition: ICOPS*, 15(3): 1-41.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak. *Post-GE14 By-Elections: Implications for GE15*. Subchapter: Analyses of Post-GE14 By-Elections. At Experimental Hall, Level 3, Rectory, IIUM Gombak. 28 August/Wednesday
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2009). Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009. Seminar Malindo-Nusantara (I). The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2010). Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009. Pandangan Politik dan Pola Sokongan Pengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. Seminar Bersama antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Universitas Indonesia (UI) "SEBUMI 3" 2010. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi, Selangor. Anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Universitas Indonesia (UI). 12-13 Oktober.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2011). Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO/BN melalui Sokongan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdau dan Merlimau. Simposium Kebudayaan Indonesia – Malaysia (SKIM) XII, 2011. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Nizar Sudin. (2019). Dinamika Politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Semenyih, Selangor. Seminar Antarabangsa Ke-8 Arkeologi, Sejarah, Bahasa Dan Budaya Di Alam Melayu (ASBAM 8, 2019). Tempat: Ancasa Residences, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia. Anjuran bersama: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); & Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Dengan kerjasama: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia; & Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pada: 27-28 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mazlan Ali. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Pola dan Impak. 3rd USM-International Conference on Social Sciences (ICOSS) 2019. At: Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Penang, Malaysia. Organize By: School Of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. On: 21-23 Ogos 2019.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009a). Pola Politik Mengikut Kaum di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). Seminar Malindo-Nusantara (I). The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 16-17 Disember.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009b). Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik. Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI). Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 10-12 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009c). Pembangunan dan Pilihan Parti Politik: Kajian Kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009. Anjuran Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009d). Pilihan Raya Kecil DUN Penanti Tanpa BN: Analisis Calon, Kempem dan Isu. Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI). Kampus Dipati Ukur, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia. Anjuran bersama Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 10-12 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2010a). Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal e-Bangi*, 5 (1), 26-37.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2010b). Politik Belia di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. Persidangan Kebangsaan Ke-3 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran (PPSPP). Hotel Equatorial, Bangi-Putrajaya. Anjuran: PPSPP, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. 20-21 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faidz Mohd Zain. (2010c). Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan Dan Pola Pengundian. Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011a). Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*, (8), 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011b). Trend Pengundian Etnik Melayu dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia. Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN) 2011. Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin, (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Universitas Hasanuddin (UNHAS) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 8-9 Jun.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011c). Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor: Analisis Pola Pengundian Etnik Cina. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang Dan Alam Sekitar (MATRA) 2011. Hotel Vistana, Pulau Pinang. Anjuran: Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 November.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2012a). Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan: Analisis Geografi Pilihan Raya. *Jurnal e-Bangi*, 7 (1), 64-74.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain. (2012b). Analisis pola pengundian etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* (Themed Issue: Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA)), 8 (5), 39-50.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. (2012c). Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah: Antara Populariti, Sentimen dan Realiti dalam Mempengaruhi Pola Pengundian. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2012*. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 12-13 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. (2012d). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (8), 23-34.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. (2014). Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 Di Malaysia dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. *Konferensi Internasional Hubungan Indonesia-Malaysia Ke-8*. Anjuran: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain & Samsu Adabi Mamat. (2015). Analisis pola pengundian Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka, Kelantan. Seminar Antarabangsa Ke-4, Arkeologi, Sejarah Dan Budaya Di Alam Melayu. Tempat: Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Langkawi, Kedah Darul Aman. Anjuran Bersama: Kumpulan Penyelidikan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) & Muzium Warisan Akademik UKM; Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-Budaya, Majlis Profesor Negara; Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia; dan Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pada: 25-26 November.
- Khairul Arifin Mohd Munir. (2019). *Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia. GE14 and The Year Since: Analyses and Perspectives*. Conference Room, Kulliyyah of Information and Communication Technology, IIUM Gombak. 2 May/Thursday.
- Lu Wei Hoong. (2012). *By-election 16: N28 Kerdau, Pahang*. In. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edt.), *Democracy at stake?: Examining 16 by-elections in Malaysia 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Mohammad Tawfik Yaakub. (2019). Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kemen PRK DUN Semenyih. *Dlm. Forum Pasca PRK DUN Semenyih: Biduk Lalu, Kiambang Bertaut*. Dewan Semarak, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 10 pagi, 10 Mac (Khamis).
- Mohd. Amirul Ariff Loo Abdullah. (2002). *Pilihan Raya Kecil DUN Indera Kayangan 2002: Analisis Isu, Kempen dan Pola Pengundian*. Latihan Ilmiah. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).

- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2006). Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir, Kelantan: Petanda BN Menguasai Kelantan. Dlm. Stanislaus Sandarupa. Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia. Kemelayuan Indonesia dan Malaysia. Makasar: Universitas Hasanuddin, Indonesia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2009). Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu (P36) Januari 2009: Satu Pungutan Pendapat Awam Pra-Pilihan Raya. Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia (SERUMPUN) IV. Penelitian Dunia Melayu Malaysia-Indonesia Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Pembangunan dan Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development), 7, 29-39.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2011). Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development), 7, 105-115.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Khaidzir Ismail. (2012). Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. Themed Issue: Malaysian Environment and Society, 8 (2), 88-97.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2013). Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011. 4th Social, Development and Environmental Studies International Conference 2013, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekutaran, FSSK, UKM. Organized By: School of Social, Development and Environmental Study, Faculty of Social Sciences and Humanities, UKM Bangi, Selangor. 19 March.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Muhammad Hazim Abd Ghani & Muhammad Nurluqman Mohd Zin. (2014). Pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor: Analisis Terhadap Kempen, Isu, Persepsi Terhadap Dasar Kerajaan dan Keputusan PRK. International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH) 2014. Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 10-13 Disember.
- Mohd Faidz Mohd Zain, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2010). Analisis Geografi Pilihan Raya di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan. Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dewan Persidangan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, Tanjung Malim, Perak. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. 8-10 Februari.
- Mohd Faidz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat & Junaidi Awang Besar. (2014). Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Satu Analisis Terhadap Pola Pengundian Etnik Melayu. Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah & Budaya di Alam Melayu (ASBAM 2014). Anjuran: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM Dengan Kerjasama: Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-Budaya, Majlis Profesor Negara, Kementerian Pendidikan

Malaysia; Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM; dan Kumpulan Penyelidikan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan UKM. Tempat Seminar: Bilik Senat dan Bilik Majlis, Bangunan Canselor, UKM. 23-24 Disember.

- Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman, Shaharuddin Badaruddin, Amer Saifude Ghazali, & Md. Rozimi Md Nasir. (2009). *Permatang Pauh: Pilihan raya kecil Ogos 2008*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Nidzam Sulaiman. (2019). *Pilihan Raya Kecil Medan Sebenar Uji Kekuatan Parti?*. Dlm. Dewan Masyarakat, Jilid 57, Bil 4, April.
- Ng Boon Hooi. (2012). *By-election 15: N27 Merlimau, Melaka*. In. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edt.), *Democracy at stake?: Examining 16 by-elections in Malaysia 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Suffian Mansor, Rosmadi Fauzi, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman. (2013). *Pilihan raya kecil Parlimen Sibu, Sarawak 2010*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Zulkanain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. (2013). *Sosio-politik dan Elemen Ruang*. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali (Edt.), *Pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).